


**Jilid I
Bil. 43**



**Hari Khamis
14hb Disember, 1978**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA
*First Session***

KANDUNGANNYA

KENYATAAN PERDANA MENTERI:

Bank Rakyat [Ruangan 4233]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Cukai Pendapatan
Tambahan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4236]**

**Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan
dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan
(Pindaan) [Ruangan 4236]**

Rang Undang-undang Kewangan (Duti Harta Pesaka) [Ruangan 4239]

**Rang Undang-undang Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan)
[Ruangan 4241]**

**Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan)
[Ruangan 4266]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Baras).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- ” TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MOY (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 14hb Disember, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*KENYATAAN
PERDANA MENTERI

BANK RAKYAT

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membuat satu kenyataan mengenai Bank Rakyat. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah memberikan gambaran di atas kedudukan Bank Rakyat dari semasa ke semasa di dalam dan di luar Dewan ini.

Semasa membentangkan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1977 di Dewan yang mulia ini pada 19hb Disember, 1977, saya telah menerangkan bahawa Bank Rakyat telah mula mengalami kerugian sejak tahun 1973. Pada tahun 1975 kerugiannya telah meningkat sehingga, jika dikumpulkan, ianya melebihi bukan sahaja modal saham-saham ahlinya bahkan telah melibatkan juga wang simpanan penyimpan-penyimpannya.

Kerajaan telah bertindak tegas bagi menyelamatkan Bank Rakyat daripada menjadi bankrap serta memelihara kepercayaan ahli-ahli dan penyimpan-penyimpannya. Pada 12hb Mac, 1976, Kerajaan telah memberi jaminan kepada setiap penyimpan wang di Bank itu bahawa keselamatan wang mereka adalah terjamin dan Kerajaan juga akan membantu serta menyusun semula pengurusan Bank Rakyat ini bagi menjamin supaya ia dapat diuruskan di atas asas yang lebih kukuh.

Pada 19hb Disember, 1977 pula, Dewan ini telah membahas dan meluluskan Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1977 yang antara lain, memberi kuasa kepada Kerajaan mengawasi dan mengawal pengurusan dan pentadbiran

Bank Rakyat. Di samping itu, Kerajaan telah juga bersetuju memberi pinjaman wang sebanyak \$47.4 juta kepada Bank Rakyat walaupun pihak Bank telah memohon pinjaman di antara \$100 hingga \$155 juta. Pinjaman sebanyak \$47.4 juta merupakan peringkat pertama dan pinjaman selanjutnya akan dipertimbangkan apabila gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan kewangan Bank itu dapat diketahui hasil daripada penyiasatan yang sedang dijalankan oleh sebuah firma jurukira, Price Waterhouse and Company.

Saya telah menyatakan hasrat Kerajaan hendak membentangkan suatu Kertas Putih mengenai kedudukan Bank Rakyat yang sebenarnya, bagi mendapatkan sokongan Dewan ini kepada usaha-usaha Kerajaan memulihkan Bank itu dan meletakkannya ke atas asas yang lebih kukuh. Bagi membantu Kerajaan menyediakan Kertas Putih ini, Price Waterhouse and Company telah ditugaskan untuk menyelidik, menyasat dan, jika perlu, membetulkan akaun-akaun Bank Rakyat. Firma ini telah mengambil masa yang agak panjang sedikit bagi menjalankan kerja-kerja penyiasatannya, yang kini adalah di dalam peringkat terakhir. Kelambatan ini berlaku oleh kerana beberapa sebab yang tertentu.

Pertama, di dalam penyiasatannya, firma itu telah mengalami masalah akibat daripada kehilangan rekod-rekod Bank Rakyat mengenai pelaburan, simpanan dan pinjamannya. Rekod-rekod tersebut telah tidak disimpan dan diselenggarakan dengan teratur. Umpamanya, bagi menentukan berapa banyaknya pelaburan Bank Rakyat di dalam saham-saham sehingga 31hb Disember, 1975, firma itu terpaksa meneliti segala pembelian dan jualan saham pelaburan oleh Bank Rakyat semenjak tahun 1969 lagi. Oleh hal yang demikian, firma itu terpaksa pula merujuk kepada rekod-rekod yang disimpan oleh "stockbrokers" yang telah mengendalikan pembelian dan penjualan saham-saham itu.

Keadaan yang sama juga timbul di dalam pembelian harta-harta seperti tanah, dan juga di dalam pemberian pinjaman-pinjaman. Oleh hal yang demikian, firma itu terpaksa menghubungi bukan sahaja pihak penjual harta dan peminjam-peminjam tetapi juga peguam-peguam, bank-bank dan lain-lain pihak bagi mendapat salinan-salinan kepada dokumen-dokumen yang telah hilang daripada simpanan Bank.

Kedua, penyiasatan firma itu juga menghadapi masalah oleh kerana sebahagian daripada dokumen-dokumen dan rekod-rekod mengenai pengurusan anak-anak syarikat Bank Rakyat telah termusnah di dalam kebakaran Kompleks Campbell dalam tahun 1974. Siasatan ke atas akaun-akaun anak-anak syarikat ini cuma dapat dibuat dengan menyusun semula maklumat-maklumat daripada penyata-penyata bank, cek-cek yang telah dikeluarkan, salinan baucer-baucer pembayaran dan lain-lain dokumen yang tidak disimpan di pejabat Bank Rakyat di Kompleks Campbell. Kerja-kerja ini memerlukan masa bagi dilakukan.

Ketiga, penyiasatan yang dilakukan oleh firma jurukira itu mestilah menyeluruh dan meliputi semua bidang kegiatan Bank itu supaya dapat dibuktikan penyelewengan yang telah berlaku dan dipastikan juga bidang-bidang di mana penyelewengan tidak berlaku. Penyiasatan yang menyeluruh dan teliti seperti ini tentulah akan mengambil masa.

Oleh kerana sebab-sebab yang telah saya sebutkan itu, penyiasatan yang dilakukan oleh firma jurukira itu telah mengambil masa yang agak panjang dan dijangka tamat pada 31hb Januari tahun hadapan, iaitu 1979. Walaupun penyiasatan ini memakan masa yang panjang, Kerajaan berpendapat bahawa adalah mustahak supaya sesuatu penyiasatan itu dapat membongkarkan segala kelemahan dan penyelewengan. Dengan jalan ini, kedudukan Bank Rakyat yang sebenarnya akan dapat dikemukakan kepada Dewan ini oleh kerana masalah Bank Rakyat ini melibatkan kepentingan petani, nelayan dan rakyat yang berpendapatan rendah serta ianya telah menarik perhatian sebilangan besar rakyat negara ini. Saya telah menyatakan bahawa Kertas Putih mengenai kedudukan Bank Rakyat adalah berpandu kepada penyiasatan yang sedang dilakukan. Oleh yang demikian, Kertas Putih itu adalah dijangka dapat dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada mesyuaratnya yang akan datang. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2) dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (13hb Disember, 1978)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ditangguhkan petang semalam, Dewan ini meluluskan bahawa "Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967" itu dibacakan kali yang kedua sekarang."

Rang Undang-undang diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PEMBANGUNAN DAN KUMPULANWANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit dan lain-lain pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan tahun 1966 dan Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan tahun 1971 dengan maksud

membiayai Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (KWPP) melalui pindaan yang dibuat kepadanya dengan cara peruntukan daripada Kumpulanwang Pembangunan melalui Anggaran Pembangunan.

Fasal 2 kepada Rang Undang-undang akan meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 untuk membenarkan pindaan dibuat kepada KWPP daripada Kumpulanwang Pembangunan. Pindaan ini dicadangkan kerana keperluan kewangan KWPP telah bertambah berlipat kali ganda berikutan dengan pertambahan bilangan kategori orang-orang yang layak menerima pinjaman perumahan Kerajaan dan kenaikan jumlah pinjaman yang layak diterima oleh peminjam-peminjam disebabkan oleh pelaksanaan Sekim Gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet. Jumlah perbelanjaan KWPP sehingga bulan September, 1978 ialah \$946.1 juta.

Masalah yang dihadapi oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan, iaitu Pentadbiran Sekim Pinjaman Perumahan, ialah kesukaran pada lazimnya untuk memperolehi pinjaman daripada punca-punca swasta seperti Bank-bank Perniagaan kerana bank-bank adalah keberatan untuk meminjamkan wang kepada KWPP disebabkan loan papers yang berkenaan tidak boleh diniagakan ataupun didiskaunkan dengan Bank Negara Malaysia. Dengan adanya masalah kekurangan peruntukan ini maka dicadangkan supaya sumber kewangan yang utama kepada KWPP datangnya daripada Kerajaan Persekutuan.

Sungguhpun di bawah Seksyen 10 (1) (a), Akta Acara Kewangan, 1957, peruntukan boleh dibuat kepada KWPP melalui Anggaran Belanja Mengurus, tetapi oleh kerana akaun hasil selalunya tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi sesuatu kumpulanwang amanah yang besar seperti KWPP itu, maka satu punca utama KWPP sebaik-baiknya adalah daripada Kumpulanwang Pembangunan. Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 pula tidak memperuntukkan supaya ianya boleh digunakan untuk tujuan memberi pinjaman kepada kakitangan Kerajaan dan lain-lain peminjam di bawah sekim itu. Oleh kerana itu Akta tersebut perlulah dipinda supaya geran ataupun pindaan boleh dibuat kepada KWPP. Sesungguhnya sepatutnya wang daripada Anggaran Belanja Pembangunan kepada KWPP itu dianggap sebagai satu pinjaman—

perkataan yang digunakan bukanlah “pinjaman”, tetapi “pindahan”, di mana ia boleh juga ditafsirkan sebagai meliputi syarat-syarat termasuk pulangan balik jumlah yang ditetapkan.

Fasal 3 kepada Rang Undang-undang pula akan meminda Akta KWPP, 1971 untuk membolehkannya menerima peruntukan daripada Kumpulanwang Pembangunan. Pindaan ini merupakan pindaan berbangkit dari pindaan yang telah dicadangkan kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan tahun 1966 di atas. Kedua-dua pindaan di Fasal 2 dan 3 kepada Rang Undang-undang dicadangkan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1978 untuk menyelaraskan ke semua peruntukan yang telah diberikan kepada KWPP mulai awal tahun ini.

Fasal 4 kepada Rang Undang-undang pula akan meminda Akta KWPP, 1971 dengan tujuan untuk membenarkan isteri atau suami seseorang kakitangan Kerajaan yang telah meninggal dunia tetapi sebelum kematiannya telah membuat permohonan pinjaman perumahan untuk dipertimbangkan permohonannya. Pindaan ini juga bertujuan untuk menyelaraskan pinjaman perumahan yang telahpun diberikan kepada peminjam dalam keadaan yang disebutkan itu. Tarikh kuatkuasa pindaan ini dicadangkan bermula pada 3hb September, 1971, iaitu tarikh diperbuat Akta KWPP, 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengubah Undang-undang yang berkuatkuasa berhubung dengan Duti Harta Pesaka dibacakan kali kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat pindaan kepada Undang-undang Duti Harta Pesaka yang berkenaan bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan yang telah dibuat untuk Belanjawan tahun 1979 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya pada 20hb Oktober, 1978.

Fasal 3 membuat peruntukan bagi mengecualikan daripada Duti Harta Pesaka bayaran faedah-faedah kematian yang diberi di bawah Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), 1951 kepada waris-waris seseorang penjarum KWSP. Peruntukan ini berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1977, iaitu bersamaan dengan peruntukan faedah kematian di bawah Ordinan KWSP.

Fasal 4 membuat peruntukan bagi mengubah kadar-kadar bunga yang termesti kena dibayar atas duti di bawah Undang-undang Duti Harta Pesaka yang ada sekarang. Mengikut peruntukan di dalam Undang-undang sekarang bunga adalah dikenakan ke atas harta pesaka daripada tarikh kematian pada kadar 3% untuk 6 bulan yang pertama, 6% untuk 12 bulan kemudiannya dan 12% lepas itu.

Peruntukan seperti dalam Rang Undang-undang ini yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1979 akan membolehkan bunga atas Duti Harta Pesaka tidak diadakan pada tempoh mulai tarikh kematian hingga tamatnya 30 hari selepas dikeluarkan tafsiran Duti Harta Pesaka, selepas ini bunga sebanyak 12% akan dikenakan jika Duti Harta Pesaka atau sebagainya masih tidak dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4—

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengenai Fasal 2 di dalam Rang Undang-undang ini, iaitu tafsiran mengenai anak. "Anak" termasuklah anak angkat dan anak yang diambil sebagai anak angkat mengikut mana-mana Undang-undang yang berhubung dengan pengambilan anak angkat yang dipakai bagi ibu atau bapa angkat itu.

Dalam kaitan dengan orang-orang Islam, anak-anak angkat itu tidaklah dikira sebagai anak, dengan sebab itu maka sudah tentulah ini menyentuh keadaan kehidupan orang-orang Islam itu sendiri yang tidak mengakui anak angkat sebagai anak. Dengan kerana itu di dalam hukum-hukum Islam misalnya, ada kadar-kadar yang tertentu yang saya rasa pentafsiran ini adalah bertentangan dengan sifat atau di mana Undang-undang Islam tidak mengakui anak angkat itu sebagai anak. Jadi bagaimanakah penjelasan yang dimaksudkan dalam hal ini. Adakah diakui bahawa bagi orang-orang Islam juga anak angkat itu termasuk dalam anak yang ditakrifkan dalam Akta ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ini berhubung dengan faraehkah?

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Ya, saya minta penjelasan.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Nanti, sabar! Kalau ada lagi Ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekarang dalam Jawatankuasa, Fasal 1 hingga 4. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, adalah dalam masalah Fasal 2—“anak” dan keseluruhannya Undang-undang ini juga tertakluk bagi orang-orang yang beragama Islam?

Tuan Pengerusi: Kalau tak ada lain lagi, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Pengerusi, sebagai penjelasan secara ringkas definisi anak-anak di dalam Undang-undang ini adalah termasuk anak angkat atau anak diambil sebagai anak angkat mengikut Undang-undang Negara yang ada sekarang.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK DAN SYARIKAT MEMINJAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.03 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta untuk meminda Akta Bank, 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969” dibaca bagi kali kedua.

Dalam Ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20hb Oktober, 1978 semasa membentangkan Belaniawan 1979, beliau telah mengumumkan beberapa cadangan kewangan bagi memajukan pembangunan dan permodenan struktur kewangan negara kita supaya dapat mengisi dengan lebih efektif lagi akan tujuan-tujuan dasar negara. Antara cadangan-cadangan kewangan itu ialah menubuh semula struktur mudahtunai yang diperlukan bagi bank-bank perdagangan

dan syarikat-syarikat kewangan bagi mencerminkan dengan lebih tepat keadaan mudahtunai bank dan syarikat kewangan yang sebenar. Bagi melaksanakan cadangan-cadangan yang tersebut itu beberapa pindaan perlu dibuat kepada Akta Bank, 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969 seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen kecil (2) dan (5) di bawah seksyen 16 Akta Bank, 1973. Peruntukan yang ada sekarang memerlukan sebuah bank mengadakan satu jumlah aset-aset mudahtunai minima sama ada bersama ataupun berasingan terhadap tanggungan semasa, tanggungan akaun simpanan, tanggungan bermasa dan lain-lain tanggungan deposit. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keperluan tersebut ialah untuk mengawasi urusan-urusan bank-bank perdagangan. Keperluan ini, yang dikenali sebagai nisbah mudahtunai ataupun “liquidity ratio” mempunyai dua tujuan, iaitu untuk memelihara mudahtunai ataupun kesanggupan membayar balik hutang institusi-institusi tersebut dan untuk membolehkan Bank Negara mengawal kredit dan bekalan wang negara.

Nisbah mudahtunai sebagaimana yang di takrifkan sekarang, tidak menunjukkan kedudukan yang tepat mengenai mudahtunai bank sebenarnya. Nisbah sekarang ini menunjukkan kedudukan mudahtunai bank-bank perdagangan yang lebih tinggi daripada kedudukan sebenarnya. Ini adalah disebabkan aset-aset mudahtunai sekarang mengandungi satu bahagian besar aset-aset yang sepatutnya dikeluarkan dari nisbah tersebut, dan sebaliknya pula tanggungan-tanggungan tidak termasuk satu bahagian besar tanggungan-tanggungan yang sepatutnya dimasukkan. Lebih khusus lagi, pada masa ini aset-aset mudahtunai termasuk semua aset bil-bil perniagaan, sementara tanggungan-tanggungan pula tidak termasuk simpanan-simpanan tabungan dan peminjaman di antara bank. Oleh yang demikian, nilai aset-aset adalah lebih tinggi sementara nilai tanggungan-tanggungan adalah lebih rendah, menyebabkan nisbah mudahtunai menunjukkan kedudukan mudahtunai yang lebih tinggi daripada kedudukan sebenarnya.

Selanjutnya, sistem mengira mudahtunai sekarang ini meringankan “pengguna” satu-satu simpanan itu dari bebanan memenuhi

keperluan mudah tunai. Bebanan tersebut sekarang ini ditanggung sepenuhnya oleh bank yang menerima simpanan tersebut daripada orang ramai. Khususnya, sebuah bank yang meminjam dari sebuah bank yang lain dan menggunakan wang tersebut untuk urusan-urusan memberi pinjaman tidak dikehendaki memikul nisbah mudah-tunai bagi pinjaman itu. Keadaan ini nyata-lah tidak adil kepada bank-bank yang telah bekerja keras untuk memperolehi simpanan-simpanan dari orang ramai dan juga tidak menggalakkan penggunaan optima bagi simpanan-simpanan dan penggunaan kumpulan-kumpulan wang. Atas sebab-sebab yang telah saya sebutkan itu, adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada peruntukan sekarang bagi membolehkan Bank Negara meluaskan asas tanggungan bank dengan memasukkan simpanan ke dalamnya peminjaman-peminjaman bersih antara bank dan lain-lain cara simpanan. Ini akan memberi Bank Negara keterlenturan (flexibility) untuk menentukan dengan tepat tanggungan mudah tunai bank-bank.

Seksyen-kecil (6) di bawah seksyen 17 Akta Bank, 1973 juga perlu dipinda. Di dalam peruntukan sekarang ini, takrif aset mudah tunai mengandungi, antara lain, "baki bersih dengan bank-bank di Persekutuan", "bil-bil pertukaran di dalam negeri dan surat-surat janjihatang yang boleh didisakaun semula di Bank Negara" dan "wang pangsang bersih di Persekutuan". Adalah dicadangkan aset-aset tersebut dibatalkan daripada takrif aset mudah tunai. Adalah juga dicadangkan satu tambahan dibuat di bawah peruntukan tersebut yang akan membolehkan apa-apa aset lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan atas syor Bank Negara dimasukkan ke dalam takrif aset mudah tunai. Maksud pindaan ini adalah juga untuk memberi keterlenturan (flexibility) kepada Bank Negara dalam menentukan kandungan aset-aset mudah tunai.

Fasal 3 dan 4 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen-kecil (1) di bawah seksyen 17 dan 18, Akta Bank, 1973 untuk membolehkan Bank Negara mentakrif dengan tepatnya tanggungan asas bagi bank-bank perdagangan.

Fasal 5 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen-kecil (2) di bawah seksyen 59, Akta Bank, 1973 bagi menjelaskan lagi maksud peruntukan itu. Sebagaimana telah disebutkan dalam Ucapan Belanjawan dahulu, bank-bank saudagar

(merchant bank) akan diletakkan di bawah pengawasan Akta Bank, 1973. Mengikut kuasa yang diberi kepada Menteri Kewangan di bawah seksyen 2 Akta tersebut, beliau telah meluluskan supaya takrif istilah "perniagaan bank" diperluaskan dengan memasukkan perniagaan bank saudagar di bawah kuasa Akta itu. Tetapi ada peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut yang tidak sesuai untuk dikenakan kepada bank-bank saudagar. Oleh itu pengecualian perlu diberi kepada mereka daripada peruntukan-peruntukan itu di bawah peruntukan seksyen 59.

Fasal 6 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen (3) Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969 untuk memasukkan satu peruntukan baru bagi menghadkan kegunaan perkataan "syarikat kewangan" di dalam mana-mana institusi-institusi. Pindaan ini bertujuan menghadkan penggunaan perkataan-perkataan "syarikat kewangan" cuma kepada institusi-institusi yang dilesenkan di bawah Akta itu. Pindaan ini perlu dibuat untuk mengelakkan terbitnya kesalah fahaman di kalangan orang awam mengenai syarikat kewangan yang dilesenkan dan syarikat kewangan sewa beli yang tidak dilesenkan di bawah Akta itu. Semua institusi-institusi yang menggunakan perkataan "syarikat kewangan" dalam nama mereka tetapi tidak tertakluk kepada kuasa Akta ini adalah dikehendaki memansuhkan perkataan "syarikat kewangan" dari nama mereka. Syarikat-syarikat tersebut akan diberi tempoh peralihan selama 12 bulan untuk mengambil tindakan tersebut dan tempoh ini akan berakhir pada 31hb Disember, 1979.

Fasal 7 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen-kecil (2) dan seksyen-kecil (5) di bawah seksyen 18 Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969. Peruntukan ini yang berkaitan dengan aset-aset mudah tunai dan asas tanggungan bagi tujuan keperluan mudah tunai syarikat kewangan hendaklah dipinda dengan cara yang sama seperti pindaan kepada seksyen 16 Akta Bank, 1973 seperti yang telah saya terangkan tadi.

Fasal 8 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda syarat (b) seksyen-kecil (2) di bawah seksyen 20 Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969, untuk mengecualikan pinjaman yang bercagarkan suatu gerenti yang diberi oleh Kerajaan daripada takrif peruntukan ini sebagai satu pinjaman yang diberi oleh syarikat-syarikat kewangan yang

bercagarkan suatu gerenti Kerajaan Persekutuan adalah dianggap sebagai tidak ada cagaran. Adalah nyata tidak wajar untuk menganggapkan satu pinjaman yang bercagarkan suatu gerenti Kerajaan Persekutuan sebagai pinjaman tanpa cagaran.

Fasal 9 Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen-kecil (c) di bawah seksyen 37 Akta Syarikat-syarikat Meminjam, 1969, untuk membolehkan Bank Negara meluaskan asas tanggungan bagi tujuan-tujuan mengira cadangan berkanun yang perlu disediakan oleh syarikat-syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.14 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan sedikit pandangan dan juga perhatian berhubung dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini berkaitan dengan pindaan-pindaan ber-sabit dengan Akta Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan) tahun 1978.

Kalau saya boleh sentuh di sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan dan juga pengumuman Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam membentangkan Anggaran Belanjawan yang lalu yang menunjukkan niat Kerajaan supaya institusi-institusi kewangan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam soal pembangunan yang sedang pesat sekarang ini. Dengan pindaan ini saya percaya akan memperlihatkan kedudukan kecairan ataupun nisbah mudah-tunai (liquidity ratio) yang lebih tepat berhubung dengan institusi-institusi kewangan, khususnya berkaitan dengan bank-bank perdagangan. Saya percaya dengan pindaan ini maka pihak bank perdagangan terutamanya akan dapat memberikan perhatian yang lebih dari segi mengadakan cara-cara, sistem-sistem pinjaman dan juga lain-lain yang berkaitan dengan institusi tersebut khususnya kepada bidang-bidang yang sekarang ini ditekankan, yakni dalam hal-hal yang berkaitan dengan industri "agro-based" dan juga syarikat-syarikat perindustrian kecil-kecilan sebagaimana yang digalakkan oleh Kerajaan.

Sebagaimana yang biasanya kita ketahui kerap timbul khususnya di kalangan pengusaha-pengusaha yang baru lahir tentang masalah-masalah yang dihadapi terutama di kalangan Bumiputra terhadap cara-cara bagaimana pihak bank-bank perdagangan terutamanya mengelolakan pinjaman-pinjaman, sama ada pinjaman itu kecil ataupun besar kepada pengusaha-pengusaha yang baru lahir. Saya percaya dengan pindaan ini pihak bank-bank perdagangan terutamanya akan memberikan satu kerjasama yang lebih baik dan juga bantuan yang lebih berkesan terutama kepada peniaga-peniaga yang baru lahir supaya dengan cara sistem pinjaman yang lebih mudah mereka dapat menjalankan perusahaan mereka dengan lebih giat dan juga lebih berjaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh di dalam hal ini ialah soal kurang sangat penyertaan Bumiputra di dalam institusi-institusi kewangan khususnya di dalam pindaan yang berkaitan dengan Akta Syarikat Pinjam Meminjam. Kita ketahui kebanyakan daripada syarikat-syarikat yang sedia ada sekarang ini sudah lama tertubuh, mungkin sebahagian besar daripadanya adalah merupakan anak-anak syarikat kepada bank-bank perdagangan yang sudah sedia ada tertubuh di dalam negara kita ini. Tetapi kurang sangat kita lihat dari segi perkembangan institusi kewangan di negara kita ini tumbuhnya institusi kewangan yang diusahakan sendiri oleh kaum Bumiputra. Mungkin sebab-sebab utama sebagaimana yang mungkin dapat dikemukakan oleh sebahagian daripada kita ialah disebabkan masalah kekurangan modal atau kekurangan kewangan untuk memulakan ataupun menubuhkan syarikat-syarikat kewangan ataupun syarikat-syarikat pinjam meminjam. Tetapi saya percaya sudah sampai masanya sekarang ini khususnya dari segi Bank Negara dan Kementerian Kewangan memikirkan dan mengadakan satu strategi yang lebih bermakna supaya pihak Bumiputra khususnya mereka yang sudah mula berminat dari segi menjalankan usaha-usaha dalam institusi kewangan ini dapat menubuhkan syarikat-syarikat ini dan seterusnya dapat memberikan sumbangan khususnya kepada Bumiputra dan usahawan-usahawan Bumiputra yang baru lahir di dalam negara kita.

Apa yang saya dapat tahu kebanyakan daripada syarikat-syarikat meminjam (borrowing companies) dan juga syarikat-syarikat kewangan yang lahir sekarang tidak

dapat memberikan sumbangan yang terus kepada usaha-usaha dalam bidang perindustrian. Kebanyakannya kita ketahui usaha-usaha yang dijalankan oleh syarikat-syarikat kewangan tertumpu pada satu-satu bidang sahaja terutama dari segi finance ataupun dari segi syarikat-syarikat kewangan sewa beli dan sebagainya, walaupun ini mungkin tidak termasuk dalam konteks Akta yang hendak dipinda sekarang ini. Saya percaya tindakan yang lebih berkesan haruslah diadakan oleh pihak Kementerian khususnya dan menyusun rangka-rangka bagaimana Bumiputra khususnya boleh mendapat faedah. Sebab saya yakin dan percaya di dalam keadaan sekarang ini sudah ada di kalangan Bumiputra sendiri yang mempunyai sumber modal yang mencukupi supaya mereka juga dapat menyertai bidang swasta yang lain dalam menubuhkan syarikat-syarikat meminjam dan juga institusi-institusi kewangan yang ada di dalam negara kita ini.

Sebagaimana yang telahpun saya katakan tadi masalah yang sentiasa timbul ialah dari segi kerjasama syarikat-syarikat borrowing companies ataupun syarikat-syarikat kewangan yang ada dalam negara kita ini untuk melantik syarikat-syarikat Bumiputra ataupun orang-orang perseorangan terdiri daripada Bumiputra untuk menjadi ejen ataupun wakil mereka, umpamanya di Johor Bharu sendiri, saya ketahui di mana kegiatan kewangan begitu pesat berjalan sekarang ini khususnya dalam konteks kita berniaga dengan Singapura, kebanyakan daripada syarikat-syarikat yang sudah mempunyai lesen borrowing ini tidak melantik bahkan sukar melantik syarikat-syarikat Bumiputra untuk menjadi ejen mereka. Kita tidak tahu apakah sebabnya. Dari segi kajian sengkak yang mereka buat sekiranya ada permohonan timbul daripada syarikat bumiputra ialah sebab syarikat-syarikat yang memohon itu mungkin pada pandangan mereka tidak mempunyai keupayaan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan kewangan yang lebih merupakan satu bidang yang sophisticated. Jadi dalam hal ini, saya percaya pihak Kementerian Kewangan khususnya hendaklah mengambil perhatian, bukan sahaja setakat memberi lesen-lesen kepada pemohon-pemohon untuk menjalankan syarikat-syarikat kewangan ataupun syarikat meminjam, bahkan kegiatan-kegiatan syarikat ini juga hendaklah diawasi supaya selaras dengan ke-

hendak dan maksud Dasar Ekonomi Baru. Untuk memberikan lebih peluang kepada bumiputra bukan sahaja mencebur diri dalam kegiatan perindustrian dan perdagangan tetapi juga dalam bidang-bidang yang baru yang sophisticated seperti ini iaitu yang di dalam institusi-institusi kewangan.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

3.21 ptg.

Tuan Edwin Anak Tangkun (Batang Lepar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi. Ingin juga saya menyentuh satu dua perkara untuk diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kita mencapai kemerdekaan 21 tahun dan Sarawak 15 tahun khasnya, banyak juga Rang Undang-undang telah dipinda ataupun bagi menggantikan seksyen-seksyen yang baik untuk Kementerian yang berkenaan supaya dapat menjalankan tugas-tugas memaju dan mengawal dalam hal-hal yang patut untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat di bandar ataupun di kawasan luar bandar. Rang Undang-undang seperti ini memanglah disambut baik oleh seluruh rakyat tidak mengira kaum, bangsa dan agama. Rang Undang-undang ini sudah tentu sangat baik dan ikhlas. Oleh yang demikian, Kerajaan kita akan dapat menyelesaikan dan akan dapat menghapuskan masalah-masalah penganguran di kalangan rakyat khasnya rakyat yang berpendapat rendah yang tidak seimbang di negara ini. Walaupun demikian, saya faham di mana-mana negara pun baik di Amerika, United Kingdom, Australia, China, Jepun dan sebagainya masih lagi ada penganguran yang hebat. Inilah satu contoh yang menentukan Kerajaan kita tidak dapat sama sekali menghapuskan kemiskinan di negara ini. Akan tetapi, Kerajaan kita dari setahun ke setahun memanglah mengubah Perlembagaan yang tidak sesuai untuk memberi kuasa penuh kepada Kementerian yang berkenaan, memaju dan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru di seluruh negara untuk kepentingan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat tiap-tiap perniagaan di negara ini mestilah ada berlesen. Dalam Fasal 6 Seksyen 3A baru untuk memastikan supaya tidak sesiapa pun lain dari syarikat-syarikat yang berdaftar boleh meminjam wang dari bank-bank dengan izin Kementerian Kewangan supaya rakyat yang betul-betul ingin menjalankan perniagaan mereka jujur dan berjaya. Kalau tidak berbuat demikian selalunya lesen mereka itu telah menjadi lesen "Ali-Baba". Ini yang selalu berlaku dan kita tidak mahu lagi perkara-perkara seperti ini berlaku bahkan kita mahu rakyat di negara ini menjalankan perniagaan mereka dengan bantuan dari Kerajaan iaitu memberi pinjaman wang yang berpatutan dari bank-bank yang berkenaan.

Lagi satu contoh, seorang yang hendak menanam koko 100 ekar hendak meminjam wang sebanyak \$200,000 dan kebun koko itu dapat mengeluarkan hasil dalam masa 3 atau 4 tahun, maka bank patut memungut wang pinjaman itu dari mulai hasil itu dikeluarkan dan bunga wang pinjaman itu juga patutlah diimbangkan oleh bank berkenaan dengan izin Menteri Kewangan dengan 2% sahaja supaya pekebun kecil itu dapat menjalankan mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Selain dari itu, ingin juga saya memberi pandangan sedikit iaitu Kementerian berkenaan patutlah memberi pertimbangan kepada petani-petani yang menanam semula getah, kebun koko, kebun lada hitam yang ingin meminjam wang dari bank-bank untuk dipertimbangkan. Masa sekarang ada juga rakyat dapat meminjam wang dari bank-bank tersebut akan tetapi bunga yang dikenakan terlampau besar, kadang-kadang sampai 9% dan saya di sini merayu kepada Kerajaan supaya dapat mengubah perlembagaan berkaitan dengan interest ini diturunkan iaitu dari 9% kepada 2% dan jangka tahun bayaran pun patut juga dilanjutkan supaya pekebun-pekebun kecil dapat menjalankan tugas-tugas mereka mengikut dasar ekonomi di negara ini.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

3.25 *ptg.*

Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dengan rengkas sahaja. Dalam

saya menyokong Rang Undang-undang ini, saya suka membuat komentar sedikit berkenaan dengan satu amalan yang dibuat oleh bank-bank swasta dalam negara kita ini iaitu bersangkutan dengan komisyen di atas cek-cek luar atau outstation cheque.

Misalnya, jika saya mengeluarkan cek dari Kuala Lumpur untuk seorang di Alor Star, maka saya dikenakan bank commission minima sebanyak 25 sen. Kalau harga cek itu \$10,000 maka komisyen itu akan bertambah lagi. Jadi, saya berasa pelek di atas kejadian ini, kerana semasa saya berada di Amerika dan juga di lain-lain tempat yang saya telah melawat, saya telah mengeluarkan misalnya cek di Honolulu, walaupun saya tinggal di Washington tetapi cek itu tidak dikenakan satu sen pun bank commission. Saya tidak nampak di mana-mana dalam Akta Bank 1973 di mana bank-bank swasta dapat kelulusan untuk mengenakan bank commission itu.

Rasa saya kalau ini adalah amalan yang telah dijalankan selama ini dalam masa penjajah dahulu haruslah pihak Bank Negara memberikan satu arahan supaya amalan ini diberhentikan kerana kita ketahui bahawa bank-bank swasta dalam negara kita ini mendapat untung tiap-tiap tahun berpuluh melion. Jadi apakah sebabnya mereka ini hendak mencekek leher kita lagi. Ini saya rasa bukan sahaja untuk kepentingan diri saya bahkan untuk kepentingan semua rakyat di dalam Malaysia ini dan saya harap akan mendapat penerangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dan kalau boleh mendapat tindakan seterusnya daripada pihak Bank Negara supaya amalan itu dihentikan dengan serta-merta.

3.28 *ptg.*

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap dalam masalah Akta Bank 1973 dan Akta Syarikat-syarikat Meminjam 1969.

Perkara yang pertama yang saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Kewangan ialah mengenai adanya setengah-setengah bank mengadakan kuota pinjaman tahunan bagi peminjam-peminjam Bumiputra. Saya ingin tahu adakah kuota ini benar-benar dilaksanakan dan kalau sekiranya setengah-setengah bank itu belum lagi mengadakan kuota, maka pihak Kementerian ini hendaklah menentukan ada kuota yang tertentu dan

menasabah supaya ini secara langsung boleh menolong usaha-usaha Kerajaan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dan kalau sekiranya perkara ini telahpun wujud di setengah-setengah bank dan kalau sekiranya pihak Kerajaan telahpun membuat penyiasatan dan merasai bahawa perkara ini telahpun berjalan, maka rasanya daripada pengalaman-pengalaman yang kita dapati pada hari ini ada orang mengatakan bahawa gata yang diberikan kepada pihak Bumiputra ini pada amalannya pada setengah-setengah tempat jauh lagi daripada memuaskan.

Perkara yang kedua, saya ingin membawa perhatian Kementerian Kewangan ialah mengenai kelulusan pinjaman daripada pihak bank-bank swasta. Kita tahu di antara usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menolong Bumiputra dalam menjalankan perniagaan dan perindustrian telah wujud satu institusi dinamakan Credit Guarantee Corporation (CGC).

Saya mendapat tahu bahawa walaupun CGC ini telah memberi jaminan bahawa wang ini kiranya tidak dapat dibayar oleh orang-orang yang berkenaan, CGC akan menanggung sebanyak 60%. Di dalam hal ini, saya yakin dan percaya tiap-tiap permohonan yang melalui CGC ini dan setelah diluluskan dan dikemukakan oleh pihak CGC kepada pihak bank-bank yang berkenaan, saya yakin dan percaya orang-orang CGC sendiri telah yakin bahawa orang-orang ini boleh dan mampu menjalankan kerja-kerja sebagaimana yang dicadangkan di atas kertas kerja yang dimajukan melalui CGC tersebut, tetapi malangnya sering kali permohonan-permohonan ini juga ditolak. Mungkin ada sesuatu perkara yang menyebabkan berlakunya peristiwa-peristiwa yang semacam ini.

Misalnya boleh jadi proses daripada pihak bank untuk menuntut kembali wang sebanyak 60% itu daripada pihak CGC sekiranya peminjam-peminjam ini tidak membayar hutangnya, mungkin juga pihak bank-bank berkenaan tidak mempunyai keyakinan bahawa perakuan-perakuan yang diberikan oleh CGC itu terutama sekali melalui kertas-kertas kerja itu tidak begitu baik. Jadi, kalaulah timbul kedua-dua unsur ini maka hendaklah diadakan sesuatu usaha untuk memperbaiki dari kedua-dua segi yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ingin saya sebutkan di sini bahawa kalau sekiranya kita pergi kepada bank-bank yang ada di dalam negara kita ini, di Kuala Lumpur sahaja misalnya, maka berbagai-bagai cara, kaedah kita hendak menukarkan cek (to cash the cheque) ada setengah bank terlalu cepat, ada setengah bank terpaksa menunggu sampai setengah jam, mungkin lebih lagi. Saya ingin merujuk kepada Kementerian Kewangan khususnya Bank Negara supaya melihat akan perkara ini dan menolong bank-bank ini supaya dapat mempercepatkan lagi proses, katakanlah kita hendak tukar \$20 sahaja, kalau hendak tunggu setengah jam apa ertinya ini terutama sekali dalam satu masyarakat Kuala Lumpur ini, kita adalah merupakan manusia-manusia yang sibok.

Saya dapati ada bank-bank di Kuala Lumpur ini yang dapat memakan masa hanya kira-kira 5 minit, kadang-kadang 3 minit, kadang-kadang seminit; bawa sahaja cek, terus diberi duit. Ini satu kaedah yang baik. Saya tidak mahu menyebutkan nama bank-bank ini kerana tidak mahu membawa satu prejudice kepada bank-bank selain daripada bank yang saya sebutkan itu.

Saya minta sekali lagi, supaya pihak Bank Negara ataupun pihak Kementerian Kewangan supaya tolong melihat dan cuba mempercepatkan perkara ini dan kalaulah perkara ini dapat dilaksanakan maka ini bukan sahaja dapat mempercepatkan lagi proses perjalanan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi bahkan juga ianya boleh menolong orang-orang biasa terutama sekali orang-orang yang hendak menukar ceknya sebulan sekali dan gajinya yang lebih kurang \$100 atau \$200, ini banyak menolong mereka itu.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda tadi. Saya rasa sudah sampai masanya bank-bank ini menghapuskan terus pengambilan komisyen, kerana apalah ertinya 25 sen kepada sebuah syarikat yang membawa untung yang terlalu banyak. Kita tahu bank-bank ini selalu mendapat keuntungan yang banyak. Kita dapat penyata-penyata mereka itu tahun demi tahun melalui akhbar-akhbar menunjukkan mereka ini untung. Apalah ertinya kalau cek itu \$100, mereka minta komisyen 50 sen umpamanya. Tidak ada ertinya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya cadangkan supaya pihak

Kementerian Kewangan kalau pun belum lagi tertakluk kepada sebarang akta ataupun undang-undang di bawah Kementerian ini maka hendaklah dipertimbangkan supaya perkara ini dijadikan undang-undang supaya dalam keadaan-keadaan yang tertentu terutama cek-cek yang terlalu kecil, janganlah diambil komisyen. Misalnya cek di Kuala Lumpur kalau kita hendak cash di Petaling Jaya; Kuala Lumpur dengan Petaling Jaya hanya 6 batu atau 5 batu pada setengah-setengah tempat di antara kedua-dua bank yang berkenaan. Jadi apakah ertinya ini?

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada masalah pekerja-pekerja di bank. Oleh sebab bank-bank di setengah-setengah negeri di negara ini membuka pejabatnya pada hari-hari Jumaat dan bank ini memulakan pekerjaan pada hari Jumaat mulai pukul 10.00 pagi sampai pukul 3.00 petang dan sudah tentu pada hari Jumaat di antara pukul 12.30 tengahari sampai pukul 1.30 petang pekerja-pekerja mesti ada di bank-bank yang berkenaan untuk memberi service kepada customers yang datang. Jadi, saya minta pihak Kementerian Kewangan supaya menentukan pada masa-masa hari Jumaat di antara jam 12.00 tengahari sampai pukul 2.00 petang tidak ada pekerja-pekerja Bumi-putra, tidak ada pekerja-pekerja yang beragama Islam khususnya diminta bekerja, kerana ini adalah menafikan hak mereka itu kalau mereka mahu menunaikan fardu Sembahyang Jumaat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini supaya menumpukan perbahasannya terhadap pindaan kepada Akta ini. Dalam Majlis ini tidak menimbangakan Akta ibu tetapi pindaan-pindaan. Walaupun kelonggaran saya beri juga sedikit untuk perbahasan tetapi jangan terlalu keluar daripada tujuan perkara-perkara yang di dalam timbangan Majlis ini. Sila Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

3.37 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pindaan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Di samping itu

saya berharaplah Akta Bank sebagaimana yang dipinda ini, saya yakin untuk memberi kemudahan kepada umum dan kemudahan kepada negara untuk membangun negara kita lagi.

Di samping itu perkara pertama yang saya akan sentuh, dari segi kemudahan pinjaman ini saya berharaplah kalau boleh kepada bank, janganlah hendak membenarkan satu-satu pinjaman walaupun pinjaman itu baik khasnya daripada orang ramai hendaklah dibuka dengan akuan ataupun kira-kira terlebih dahulu, baharulah akan dibenarkan satu pinjaman itu akan diluluskan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh dimasukkan dalam pindaan ini juga yang selalu saya dapati had pinjaman kepada peminjam amatlah terhad kuasa yang diberi kepada Pengurus-pengurus Cawangan Bank. Walhal kita dapat tahu satu-satu proses akan diluluskan oleh pihak bank di atas tentulah juga berpandu kepada pihak Pengurus Cawangan Bank. Dengan sebab itu saya berpendapat, patutlah kalau kita kata pada hari ini setengah bank dihadkan \$3,000 misalnya, ada setengah \$5,000 patut dihadkan tidak kurang daripada \$10,000. Saya tegaskan sekali lagi walaupun projek itu akan diluluskan oleh pihak pusat tetapi ia tentu berpandu kepada pihak Pengurus Cawangan. Dengan sebab itu, patutlah had pengurusan itu dinaikkan sekurang-kurangnya macam saya katakan tadi tidak kurang daripada \$10,000.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya yakin berkenaan dengan bank ini termasuklah saya sendiri kurang faham dengan teliti. Dan ada

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang besar, Yang Berhormat? Saya kurang dengar tadi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin berkenaan dengan bank ini tidaklah begitu semua orang faham dengan seluas-luasnya termasuk saya sendiri dengan secara mendalam dan saya yakin bank ini telah memberi kemudahan khasnya kepada industri-industri, kepada perniagaan-perniagaan dan juga kepada umum dan saya yakin banyak di antara rakyat Malaysia termasuk juga penduduk-penduduk kampung walaupun tidak ke semua mempunyai wang yang banyak tetapi kadang-kadang wang itu disimpan di bawah tikar.

Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu contoh. Pada tahun ini juga seorang hamba Allah hendak pergi ke Mekah tetapi malangnya wang yang sepatutnya disimpan dalam bank ataupun Post Office disimpannya di bawah tikar. Akhirnya malang tidak berbau, rumahnya terbakar dan wangnya itu turut terbakar. Saya percaya hari ini juga saya dapati banyak daripada pak tani kadang-kadang wang hasil dari jualan padi kepada setengah-setengah kedai, wangnya tidak digunakan dahulu, diberi kepada pekedai-pekedai itu menggunakan wang itu kerana mereka tidak begitu faham apakah faedah wang itu kalau disimpan dalam bank ataupun disimpan dalam Post Office.

Saya masih ingat lagi pada tahun 1971 salah seorang Pengurus Cawangan Bank Bumiputra Kangar yang mana pada hari ini kalau tidak silap saya telah menjadi Pengurus di Wilayah Persekutuan ini, dia juga turut bersama dengan beberapa orang lain memberi penerangan di kampung-kampung. Dengan sebab itu banyakkah wang-wang yang telah disalah simpan, tidak kena pada tempatnya; wang itu dapat dilaburkan sama oleh pak tani termasuk bersama-sama dengan orang lain yang ada wang di dalam bank. Jadi bila mereka faham apakah faedah wang itu disimpan dalam bank, dilaburkan dalam bank, mereka juga turut bersama, tetapi malangnya mereka tidak tahu dengan secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan syarikat kewangan. Saya ucapkan terima kasih kepada perkara ini dan saya haraplah kalau boleh awasilah benar-benar kepada syarikat-syarikat pinjaman dan money-lenders. Agak saya yang dibenarkan oleh Kementerian sekian banyak harus tumbuh macam cendawan, ada setengahnya mengambil keuntungan 100%-120%, maktumlah hendak cari duit sekarang, yang tidak dibenarkan pun ada tumbuh, yang dibenarkan saya tengok tidak banyak mana, yang tidak dibenarkan dengan kelulusan Kementerian harus ada yang dijalankan di setengah syarikat terutama yang secara persendirian. Yang Berhormat Menteri mungkin tidak faham, dia kata tidak betul tetapi ada berlaku, ada yang pinjam \$1,000 ditulis \$1,100; kalau \$100—\$110. Ini cara tukar wang makan faedah yang banyak. Itu cara yang tidak halal.

Saya haraplah Kementerian Kewangan mengawasi perkara ini. Yang kedua syarikat-syarikat yang telah dibenarkan macam

syarikat pinjaman baik beli tanah khasnya membeli motokar. Saya amat sedih dan terharu kerana syarikat ini sekali imbas saya pandang seolah-olah menindas kepada orang-orang yang susah. Kita percaya dalam negara kita, dalam dunia mana sekalipun tabiat manusia ini ada berperingkat-peringkat dan ada bermacam-macam kemampuan. Ada yang kaya, ada yang miskin dan kalau tidak silap saya dalam Islam sekalipun dibenarkan cara hutang piutang, tetapi bukanlah secara riba yang hendak naik kepala kawan kerana kita hendak kaya biar kawan papa. Itu yang salah dalam Islam, tetapi kalau cara berhutang, cara yang berpatutan saya yakin benda ini boleh dan ada. Kita berharaplah atas apa yang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan dibenarkan kepada syarikat kewangan ini awasi betul-betul terutama macam saya kata tadi syarikat pinjaman yang hendak beli motokar dan sebagainya. Yang pertama benda yang tidak ada dalam aturan, sebelum hendak pinjam dia hendak dahulu "Football Money"—kata orang bandar, kata kita "duit bola" atau "duit golek" dengan tidak payah tulis resit langsung tetapi siapa yang hendak pinjam perkara ini kena kepada semua orang. Kadang-kadang saya percaya kepada pegawai-pegawai sendiri pun kena, ada setengah pegawai itu dia menyamar sebagai Syedina Omar sendiripun terkena. Bila dia kata "Aku pegawai"—"Encik tidak payah". Ini biasa berlaku. Saya haraplah perkara ini patut diawasi dengan tidak diberi resit tetapi manusia ini seperti rasuah payah kita tangkap begitu juga perkara ini, kerana orang yang hendak itu, sebelum dia dapat satu benda, asalkan dapat dia tidak peduli, kerana orang yang susah dia hendak asalkan dia dapat, terutama hendak makan ataupun hendak adakan benda yang tidak ada. Sebab itulah kalau tidak silap saya dalam Hadis ada mengatakan: Orang yang fakir boleh jadi kafir. Kalau sudah terlampau fakir apa pun dia boleh buat. Ini kita tidaklah sampai begitu tetapi walau macam manapun kerana yang tidak ada dia akan minta pinjam. Mula-mula dia minta duit bola, duit kopi dan sebagainya. Ini berlaku kepada peminjam-peminjam yang beli motokar yang terlampau banyak sekali. Dia ada had pula, kalau motokar itu baru agaknya harga \$10,000; hutangnya cuma \$5,000. Tinggal 2 bulan lagi hendak selesai, belum sampai masuk 3 bulan dia cepat-cepat pergi tarik kerana motokar itu harganya laku

\$10,000. Selepas ditarik dihantarnya gangsters kadang-kadang 4 orang, kadang-kadang 3 orang. Perkara semacam inilah saya berharap

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini cerita rekaan atau cerita betul.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, ini cerita betul berlaku, bukan rekaan. Cerita yang sebenarnya berlaku dan selalu berlaku. Sekali lagi saya tegaskan bukan rekaan, selalu berlaku. Jadi dibawanya gangsters sekali, dirampas, ambil motokar yang dikatakan tadi. Bila hendak ambil balik dengan harga yang tidak banyak misalnya 2 bulan ataupun 3 bulan tidak terbayar, dalam \$500 ataupun \$540, dia tidak hendak setakat \$540 tetapi dia hendak pula harga tarik. Ini selalu berlaku. Tetapi takdirnya pula, ada takdir berlainan pula, sekiranya motokar itu harganya \$3,000; hutangnya \$5,000 hendak diberi kepadanya pun dia tidak mahu, dia mesti ambil action di atas pinjaman; kereta buruk dia tidak mahu, dia hendak kereta baru sahaja. Ini selalu berlaku, Yang Berhormat Menteri. Dengan sebab itu, saya berharap sangat-sangat

Tuan Yang di-Pertua: Tujukan kepada Tuan Yang di-Pertua!

Tuan Shaari bin Jusoh: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya berharap sangat-sangat kepada Timbalan Menteri yang berkenaan yang saya yakin penuh simpati dan timbang rasa khasnya kepada orang-orang yang susah kerana dalam Rang Undang-undang ini saya percaya kita pinda, kita perbaharui matlamatnya hendak menseimbangkan kedudukan kaum dan hendak menseimbangkan di antara orang yang berada dengan tidak berada supaya jangan ada satu golongan yang kaya menindas satu golongan yang agak miskin dengan kerana kekayaannya. Saya yakin sebagai Kerajaan dan sebagai Menteri yang bertanggungjawab menyelaraskan perkara ini.

Dengan sebab itu sekali lagi saya menyokong di atas pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.48 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Saya sentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama Yang Berhormat dari Pagoh telah menyatakan bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini akan membawa kepada struktur kewangan yang lebih baik, Memang inilah tujuan pindaan-pindaan tersebut dan supaya dapat juga kita meyakinkan peranan institusi kewangan dalam negara ini lebih berkesan dan lebih efektif dalam jangka masa yang panjang.

Tentang perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh itu mengenai masalah bumiputra dan juga perusahaan baru mendapat pinjaman samada kecil dan besar, khususnya mengenai masalah yang mereka hadapi, memanglah pihak Kerajaan sedar perkara ini berlaku dan sentiasa diadakan perjumpaan, diadakan mesyuarat di antara pihak Bank Negara, pihak Kementerian dan juga pihak bank-bank supaya dari semasa ke semasa juga peraturan-peraturan yang telah dikenakan oleh Bank Negara ke atas bank-bank adalah dipatuhi oleh bank-bank dan sekiranya ada masalah-masalah yang dihadapi di peringkat implementasinya maka ini sentiasa diusahakan untuk diselesaikan.

Begitu juga dengan kurangnya penyertaan bumiputra dalam institusi kewangan, ini memang diawasi oleh pihak Kerajaan dan akan sentiasa dikesan supaya bertambah bilangan bumiputra yang menjalankan perniagaan-perniagaan seperti institusi kewangan tetapi penyertaan mereka perlulah juga mengikut syarat-syarat minima yang telahpun sedia ada yang dikenakan oleh pihak Bank Negara dan oleh pihak Kementerian Kewangan. Misalnya, syarat-syarat minima dari segi modal asas yang perlu diadakan, kemahiran atau kecekapan pengurusan yang ada pada mereka yang ingin menggabungkan usaha untuk misalnya menubuhkan sebuah syarikat kewangan, ini memang sentiasa diialankan usaha meneliti penyertaan bumiputra.

Tentang perlantikan ejen oleh syarikat-syarikat kewangan ini sentiasa diawasi dan pihak Bank Negara meneliti perkara ini.

Mengenai apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar khususnya mengenai syor supaya faedah 2%, kalau tidak salah saya, dikenakan oleh bank, rasa saya ini tidaklah boleh ataupun tidak lojik dikenakan oleh bank, kerana sepertimana yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, bank ini menerima wang daripada penyimpan-penyimpan iaitu daripada kita yang menyimpan wang kepada bank. Dan semua kewangan yang diterima oleh bank ini dibayar oleh bank kepada kita sebagai penyimpan faedah-faedah tertentu samada simpanan semasa ataupun simpanan tetap. Jadi kalau bank terpaksa membayar kadar-kadar faedah yang telahpun sedia ada untuk simpanan-simpanan yang mereka terima maka sudah tentu dan sudah lojik apabila kewangan yang mereka terima ini dipinjamkan pula semula kepada orang lain, maka bank akan mengenakan faedah yang bukan sahaja sama, kalau habis-habis kecil sama dengan apa yang dibayar kepada penyimpan, tetapi juga dapat menampung kos pentadbiran dan juga dapat menampung apa-apa perbelanjaan untuk menguruskannya, menerima simpanan dan memberi pinjaman. Jadi itulah sebabnya kadar-kadar faedah yang dikenakan oleh bank ke atas pinjaman tidak akan lojik lebih murah atau lebih rendah daripada kadar bank membayar faedah apabila menerima deposit atau simpanan. Dan lagi kita dapati bank-bank sekarang ini

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila duduk dulu!

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa bank-bank akan mengenakan faedah setakat kos pengurusan pinjaman itu sahaja. Saya suka hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pengakuan bahawa bank-bank yang ada di negara kita mengamalkan itu iaitu mereka mengenakan faedah setakat kos mentadbirkan pinjaman itu sahaja dan tidak lebih daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, itu sekurangngnya atau serendah-rendahnya.

Puan Rafidah Aziz: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan serendah-rendahnya; yang lojik ialah mesti melebihi apa yang dibayar balik kepada orang yang kita terima simpanannya dan juga kos mentadbir. Dalam kos mentadbir banyak perkara terlibat termasuklah marjin menjalankan bank itu sendiri iaitu satu unsur keuntungan balik atas pelaburan bank. Jadi itulah penjelasan saya.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda dan Tanah Merah mengenai komisyen atas outstation cheque dan sebagainya ini memanglah tidak ada di dalam Akta Bank, tetapi ini merupakan satu syarat ataupun satu perjalanan biasa yang dikenakan oleh bank itu sendiri dan pentadbiran yang menguruskan cheques. Ini akan dibawa kepada bank sama-ada mereka boleh menurunkan ataupun mengurangkan service charge. Ini merupakan satu pembayaran perkhidmatan kerana mereka menjalankan perkhidmatan bagi pihak kita menguruskan pindahan-pindahan kewangan daripada satu cawangan kepada satu cawangan, dari setempat ke setempat. Itulah sebabnya dikenakan bayaran. Ini perkara pentadbiran mereka. Tidaklah menjadi syarat daripada Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah selain daripada menyebut perkara itu membangkitkan soal quota kepada bank yang dikenakan oleh Kerajaan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank Negara telah mengenakan beberapa panduan-panduan mengenai pinjaman ataupun guideline kepada bank-bank khususnya mengenai pinjaman kepada sektor-sektor tertentu. Misalnya, sektor pinjaman bumiputra, pinjaman perumahan, pinjaman perkilangan, pertanian dan sebagainya. Dalam panduan-panduan ini ditetapkan bahawa semua bank-bank mestilah meminjamkan mengikut satu jangka masa sekian peratus-peratus tertentu daripada pinjaman baru kepada bumiputra, kepada perkilangan, kepada pertanian dan kepada perumahan dan pihak Kerajaan khususnya Bank Negara sentiasa mengesan sama ada tiap-tiap bank ini telah dapat menepati ataupun mematuhi quota-quota ini dan ada didapati berbagai-bagai tingkat pencapaian bank-bank.

Adalah didapati bahawa di setengah-setengah sektor bank tidak memenuhi sepenuhnya quota-quota, misalnya, dalam sektor pertanian ada bank-bank yang tidak dapat memenuhi quota. Tetapi oleh

kerana seperti saya katakan pada awal tadi sentiasa dijalankan pengesanan oleh Bank Negara, maka bank-bank selalunya dikehendaki memaklumkan sekiranya belum tercapai quota itu diberitahu mengapa supaya dapat kita rumuskan sebab-sebabnya dan dapat diselesaikan supaya dapatlah memenuhi quota-quota. Misalnya, saya beri satu contoh, apabila bertemu dengan pihak-pihak bank dan ditanya mengapa bank A, B atau C misalnya tidak dapat memenuhi kuota mereka memberi pinjaman kepada bumiputra, maka didapati mereka menjawab satu daripada sebab-sebabnya tidak ada ataupun tidak ramai bumiputra yang datang meminta pinjaman daripada mereka. Jadi kalau tidak ramai yang datang maka akan sukar bagi bank yang tertentu untuk memberi pinjaman kepada bumiputra dan memenuhi kuota. Dan memang didapati seperti yang dianalisa dalam perangkaan terlalu ramai bumiputra yang meminjam kepada sekelompok kecil bank-bank sahaja pada hal di Malaysia ini terdapat 37 bank-bank yang berniaga tetapi perhatian bumiputra kita nampaknya hanya sekelompok kecil bank-bank yang mereka kenal sahaja. Jadi bank-bank yang tidak terkenal namanya kepada bumiputra ini tidak menggunakan kemudahan-kemudahan itu. Jadi ini nampak gayanya terpulanglah bumiputra sendiri cuba meluaskan perhubungan mereka dengan bank-bank dan tidaklah menumpukan kepada dua tiga bank yang terkenal kepada mereka sahaja.

Begitu juga tentang pencapaian ini sentiasa dimonitor kerana bank-bank seperti kita telah tahu di masa lepas jika ada bank-bank yang sentiasa gagal untuk memenuhi kuota-quota yang ditentukan, Menteri Kewangan mengarahkan. Bank Negara mengenakan denda kepada bank ini supaya mereka berbuat demikian menjalankan satu usaha kerana mereka tidak mematuhi syarat-syarat itu.

Tentang CGC 60% tadi, memanglah benar CGC di peringkat akhirnya adalah tertakluk kepada menanggung 60% daripada pinjaman yang tidak dibayar.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menyatakan mengapa ditolak pinjaman-pinjaman oleh bank melalui CGC. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi beberapa perangkaan supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas supaya tidak berlarutan perkara ini. Misalnya setakat bulan Ogos 1978 sejak tertubuhnya CGC sebanyak

60,521 pinjaman iaitu berjumlah \$550.1 juta telahpun diluluskan di bawah sistem CGC. Ini berbandinglah dengan penolakan setakat bulan Ogos 1978 juga yang berjumlah 3,521 terhadap penolakan oleh bank secara terus dan 4,811 penolakan oleh CGC. Jadi yang diluluskan 60,000 yang ditolak hanya lebih kurang 8,300. Jadi ini pada pendapat saya adalah gambaran yang agak baik kerana rejection ini ada sebabnya. Biarlah saya terangkan sebabnya. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Misalnya yang ditolak oleh bank daripada 3,521 tadi yang bernilai \$64.5 juta; 2,400 daripada penolakan ini adalah tidak viable, maknanya daya hidup projek itu tidak ada. Ini lojik kalau tidak ada daya hidup, maka tidak berupaya membayar balik dan lojik kepada bank itu menolak. 162 di luar bidang kuasa Syarikat Jaminan Kredit. 331 kawasan itu di luar bidang kuasa bank. Kalau misalnya kawasan itu tidak ada cawangan bank, maka bank itu susahlah hendak memberi pinjaman kerana dia tidak ada kawalan ke atasnya. 501 dianggap sebagai risiko credit yang tidak baik, maknanya adalah rekod orang itu atau rekod syarikat itu yang gelap atau hitam. 52 tidak ada cagaran apabila cagaran ini perlu dan juga orang yang diberikan sebagai cagaran tidak sesuai untuk diterima oleh bank 19 ditolak kerana tidak ada lesen berniaga ataupun tidak ada tempat berniaga, maknanya dengan mulut sahaja hendak meminjam dan 56 dianggap tidak ada pengalaman langsung menjalankan perniagaan terhadap pinjaman yang hendak dipinjam. Itu ditolak oleh bank.

Yang ditolak oleh CGC pula, 1,221 ditolak kerana orang-orang ini telahpun ada kemudahan-kemudahan dengan bank-bank lain. Maknanya meminjam empat lima tempat. Jadi ditolaklah oleh CGC kerana beban pinjaman akan berat jikalau telah meminjam lebih daripada satu bank. 26 ditolak kerana bukan rakyat Malaysia, 16 ditolak kerana tidak masuk dalam CGC dan 27 ditolak oleh sebab-sebab lain, dan jelaslah bahawa penolakan yang telah dibuat itu adalah dengan sebab-sebabnya. Dan ingin juga saya menyatakan bahawa ada kerap kali apabila pinjaman telah ditolak kalau peminjam tidak puas hati beliau masih lagi boleh berbincang semula dengan bank untuk mungkin mengadakan penyesuaian-penyeseuaian dalam jumlah pinjaman supaya kalau dahulu diminta \$80,000, \$80,000 ditolak kerana dianggap kurang daripada itu yang patut dipinjam, maka boleh

dirunding semula perkara-perkara begini supaya ditimbang semula. Jadi bermakna kalaulah tidak langsung wajar barulah ditolak. Flexibility itu masih ada, tetapi peminjam perlulah sanggup untuk berunding dengan pihak bank.

Mengenai kelambatan dalam urusan bank. Tuan Yang di-Pertua, ini memang disedari oleh pihak Kerajaan dan sebenarnya pihak Menteri, pihak yang berkuasa selalu menyerahkan kepada bank-bank kita supaya meneliti kecekapan pentadbiran bank terutamanya urusan bank dengan orang-orang awam dibuat dengan cara yang lebih cekap. Kelewatan-kelewatan ini rasa saya bukanlah kerana apa, tetapi kerana kadang-kadang procedure yang digunakan oleh satu-satu bank itu memakan masa. Kalau ada dirombak semula cara-cara beratur misalnya, cara counter service yang digunakan ataupun cara-cara pengendalian surat-menyurat oleh bank itu sendiri, saya percaya kecekapan akan timbul. Ini kita saranlah lagi sekali kepada bank-bank meneliti pengurusan mereka bila berhubung dengan orang awam.

Mengenai hari Jumaat tadi rasa saya tidaklah menjadi satu perkara mesti bagi pekerja-pekerja yang bukan Bumiputra untuk berkhidmat pada hari Jumaat. Kalau kita perhatikan mungkin saya salah, tetapi rasa saya berlakunya kerana yang bertugas itu biasanya Bumiputra perempuan di bank-bank pada hari Jumaat dan mungkin yang bekerja itu mereka sanggup bekerja tetapi rasa saya tidak dipaksa mereka supaya bekerja dan tidak boleh sembahyang pada hari itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan soal kuasa Pengurus Cawangan yang disyorkan supaya tidak kurang daripada \$10,000 bagi pemberian pinjaman di pihak cawangan. Ini memang disedari kerana pada setakat ini tiap-tiap bank itu mempunyai sistem pentadbiran yang berlainan dan didapati tiap-tiap bank memberi kuasa yang berbeza-beza tingkatnya kepada pengurus cawangan masing-masing. Ada kalanya pengurus itu boleh memberi pinjaman \$10,000 atas kewibawaan, budibicara dia, iaitu kalau wajar diberi pinjaman. Ada kalanya pengurus cawangan hanya diberi kuasa membuat laporan dan semuanya ditentukan oleh ibu pejabat. Ada kalanya cawangan-cawangan diberi kuasa meminjam hanya \$1,000, jadi bidangkuasa ini berbeza dan telahpun dibawa kepada perhatian bank-bank oleh pihak Bank Negara dan juga pihak

saya sendiri serta Kementerian Kewangan supaya bank-bank meneliti semula soal bidangkuasa. Rasa saya tidak juga lojik kalau kita memaksa supaya tiap-tiap cawangan itu diberi kuasa sama rata kerana bank-bank berbeza-beza saiznya dan keupayaannya. Ada cawangan bank yang kecil sangat, ada cawangan bank yang besar. Jadi mungkin kebijaksanaan bank diperlukan untuk memberi kuasa kepada pengurus (manager) cawangan itu sendiri, tetapi kita berharap supaya bank akan dapat menimbang perkara ini kerana ini dalam bidangkuasa mereka sendiri, pentadbiran dalam mereka sendiri dan perkara-perkara yang akan dapat memberi kemudahan kepada memberi pinjaman kepada orang ramai khususnya kepada Bumiputra adalah sangat digalakkan seperti menimbang semula tentang kuasa-kuasa menguruskan pinjaman tadi.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Masalah orang tidak faham kegunaan bank yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, memanglah penyimpanan beku oleh setengah daripada rakyat kita menjadi masalah di negara-negara yang sedang membangun seperti negara kita. Simpanan beku ini bermakna modal yang ada dalam tangan mereka tidak bergerak menjadi pelaburan, jadi saya berharap kepada pihak-pihak bank supaya menjalankan publisiti ataupun usaha seranta bukan hanya setakat memajukan bank mereka, tetapi juga untuk meningkatkan semangat masyarakat untuk menabung dan melabur. Menabung ini banyak cara, menabung bawah tikar pun menabung juga, tetapi menabung secara produktif iaitu menabung dengan institusi kewangan yang boleh mewujudkan satu keadaan di mana kita dapat mengembeling semua modal-modal yang terbeku ini dibawa ke dalam sistem kewangan dan boleh disalurkan kepada pelaburan yang produktif oleh sistem bank.

Mengenai syarikat kewangan haram dan syarikat kewangan yang ada football money yang pakai gangster dan sebagainya, ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan sedikit tentang tujuan meminda Akta ini. Seperti kita maklum satu daripada pindaannya ialah supaya tidak membenarkan mana-mana organisasi atau pertubuhan yang ada kena-mengena dengan kewangan menggunakan nama syarikat kewangan (finance company) di dalam namanya seperti ABC

Finance Company, tidak boleh digunakan perkataan "syarikat kewangan" (finance company) melainkan kalau pertubuhan ini sebuah syarikat kewangan yang telah dilesen di bawah Akta yang telah ada di depan kita ini.

Apa yang berlaku sekarang ialah terlalu banyak institusi-institusi yang menggunakan perkataan "syarikat kewangan" (finance company) di negara kita ini yang mana mereka ini sebenarnya bukan finance company dari segi Akta ini tetapi adalah sebuah syarikat memberi kewangan sewabeli (hire purchase) yang didaftar oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tetapi orang ramai hanya menengok finance company dan menganggapkan finance company ini semuanya serupa dengan finance company lain. Dan itulah sebabnya finance company yang dilesenkan di bawah Bank Negara dahulunya dipanggil borrowing company, tetapi ini pun juga mendatangkan kekeliruan (confusion) maka sekarang dianggap untuk menyelesaikan kekeliruan ini dibatalkan sahaja atau dimansuhkan sahaja kegunaan syarikat kewangan (finance company) oleh semua orang yang tidak dilesen di bawah Akta ini. Ini bermakna kita telah beri tempoh setahun untuk mereka mengubah nama dan dipanggilah nama lain seperti Syarikat Sewabeli dan sebagainya, tidak boleh menggunakan perkataan "syarikat kewangan" dan syarikat inilah yang menggunakan gangster dan memang benar ada laporan begitu yang menarik motokar itu, tidak beri notis, misalnya meletakkan kadar-kadar faedah yang tinggi, memang benar syarikat itu bukan syarikat kewangan yang tulen seperti takrifnya dalam Akta ini. Itulah sebabnya pindaan itu telah dibawa tadi. Ada Ahli Yang Berhormat yang mengatakan syarikat kewangan banyak menumpu kepada sewabeli, hanya setakat ini kita dapati syarikat-syarikat kewangan hampir setengah daripada pinjaman mereka adalah terhadap sewabeli. Tetapi bukanlah sewabeli kereta dan sebagainya sahaja tetapi sewabeli alat-alat, kenderaan-kenderaan dalam perindustrian dalam kilang. Jadi hire purchase alat-alat produktif kebanyakannya, bukanlah menentukan personal sahaja. Namun demikian, ada juga diberi pinjaman untuk tujuan-tujuan lain misalnya untuk mengadakan kemudahan-kemudahan dalam perniagaan dan sebagainya.

Saya rasa itulah sahaja komen saya dan sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun berucap dan menyokong Bil ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.10 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1978 dibaca kali kedua.

Rang Undang-undang ini adalah sangat penting bagi Kementerian saya, kerana inilah kali pertamanya kita meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini, semenjak ianya diperbuat dalam tahun 1969. Rang Undang-undang ini mempunyai dua matlamat—pertamanya untuk membolehkan sekim keselamatan sosial ditadbirkan oleh satu institusi yang berotonomi, dengan penyertaan yang sama oleh wakil-wakil dari pihak majikan dan pihak pekerja; keduanya bagi mengemaskinikan Akta ini dan juga memperbaiki lagi faedah-faedah yang dibayar di bawah Akta tersebut. Matlamat yang kedua ini antara lainnya, menentukan bahawa Akta ini boleh dipakai sama-sama bagi kedua-dua sekim, iaitu Sekim Bencana Kerja dan Sekim Ilat, menambahkan kadar bayaran kebumian, dan faedah bantuan dalam kes-kes ilat, menaikkan kadar faedah-faedah biasa melalui pindaan di dalam takrif "Gaji", menambah tempoh dan

bidang liputan dalam kes-kes yang tertentu, dan menetapkan kadar minima faedah harian bagi bencana kerja.

Pindaan-pindaan ini dikemukakan setelah 10 tahun Akta ini diperbuat dan selepas 8 tahun mentadbirkan kedua-dua sekim yang disediakan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Sikim Bencana Pekerjaan dan Sekim Ilat. Yang demikian ingin saya tegaskan di sini, bahawa Rang Undang-undang ini mencerminkan keperluan-keperluan praktikal kedua-dua sekim tersebut, sambil bergerak dan berkembang, untuk meliputi kawasan-kawasan baru yang bilangan pekerja-pekerja yang lebih ramai. Keselamatan Sosial, menerusi prinsip insuran sosial, adalah satu sekim yang kompleks memerlukan kemahiran teknik yang tinggi dan keupayaan untuk disesuaikan dengan keperluan-keperluan pekerja-pekerja dan industri-industri yang sentiasa berubah, dan pada masa yang sama, menentukan asas "viability" kewangan keseluruhan sistem ini. Sukacita saya menyatakan bahawa semenjak kita bermula secara kecil-kecilan dengan satu sekim percubaan di Johor Bahru pada tahun 1971, kita telah sampai sekarang pada satu peringkat pengalaman yang membolehkan kita membuat perubahan-perubahan di dalam pertubuhan ini untuk mencapai penuh matlamat-matlamat pelancaran sekim ini. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini, mencerminkan tujuan-tujuan tersebut.

Sekarang, saya akan menjelaskan beberapa aspek-aspek penting Rang Undang-undang ini, Fasal demi Fasal.

Fasal 2 bertujuan untuk memperuntukkan faedah orang-orang tanggungan bagi saudara-saudara tertentu orang berinsuran yang mati, iaitu mereka yang bukan bergantung sepenuhnya atas pendapatan si mati pada masa kematiannya, dan juga untuk memudahkan takrif "Gaji" serta meluaskan bidang takrifnya. Pada hakikatnya, di bawah Undang-undang sekarang, telahpun terdapat senarai orang-orang tanggungan mengikut kelayakan masing-masing untuk mendapat sebahagian dari kadar faedah hilang upaya kekal si mati. Walau bagaimanapun, mereka ini hendaklah bergantung sepenuhnya atas pendapatan orang berinsuran itu. Dengan adanya pindaan ini, maka syarat-syarat ini akan dapat diperbuat dengan lebih "liberal". Mengenai definisi "Gaji" takrif yang baru akan bermakna

bahawa faedah yang dibayar di dalam semua kes-kes akan lebih tinggi dari yang ada sekarang kerana faedah-faedah ini adalah berkait dengan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 bertujuan untuk memastikan pemakaian serupa Akta ini supaya pembayaran dua caruman bulanan atau lebih terhadap bencana kerja bagi orang berinsuran yang sama, bagi bulan yang sama, dibenarkan seperti caruman terhadap ilat (invalidity). Fasal 5 bertujuan untuk mengelakkan kesusahan di pihak orang-orang berinsuran yang mengidap ilat dengan menetapkan suatu tarikh yang lebih awal bagi mularnya dibayar pencen ilat. Fasal 7 bertujuan untuk menambah jumlah bantuan ilat dengan memasukkan caruman majikan sekali, di mana orang berinsuran itu tidak dapat memenuhi syarat-syarat untuk mendapat pencen ilat.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 26 Akta ini untuk menambah tempoh faedah orang-orang tanggungan selama dua tahun, iaitu bagi kanak-kanak dan orang-orang muda, sehingga mereka mencapai umur yang lebih cukup untuk bekerja atau menamatkan pelajaran peringkat menengah. Pindaan ini adalah sangat penting kerana pada masa sekarang, anak-anak orang berinsuran biasanya layak menerima faedah-faedah orang tanggungan sehingga mencapai umur 14 tahun atau jika masih belajar sehingga umur 16 tahun sahaja. Oleh kerana sekatan-sekatan yang dikenakan di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang-orang Muda (Pekerjaan), 1966, prospek-prospek pekerjaan bagi kanak-kanak dan orang-orang muda di bawah umur 16 tahun adalah terhad kepada beberapa jenis pekerjaan sahaja. Tambahan pula, pada masa menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, seseorang muda biasanya telah mencapai umur 17 tahun. Yang demikian, Fasal ini bertujuan untuk memperuntukkan faedah-faedah orang tanggungan kepada anak-anak dan orang-orang muda sehingga mereka mencapai umur tahun (lebih cukup untuk bekerja) atau 18 tahun (jika masih belajar) untuk membolehkan mereka menamatkan pelajaran mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa pada tahun 1976, faedah kebumian yang dibayar di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 telah dinaikkan dari \$100 kepada \$500, melalui pindaan Akta A.301

1976. Fasal 9 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menaikkan jumlah faedah kebumian yang dibayar di bawah Akta Keselamatan Sosial, 1969, kepada \$500 supaya dapat diselaraskan dengan peruntukan di dalam Ordinan Pampasan Pekerja itu.

Di sini ingin saya beroleh kepada Fasal 40 dan Fasal 41, Rang Undang-undang yang mencadangkan pindaan-pindaan kepada Jadual-jadual. Terdapat dua pindaan-pindaan yang dicadangkan bagi Jadual Pertama dan Jadual Keempat.

Di bawah peruntukan sekarang di perenggan (1) Jadual Pertama, apabila seseorang pekerja itu menjadi orang berinsuran, ia dibenarkan meneruskan carumannya terhadap sekim pencen ilat walaupun setelah gajinya melebihi \$500 sebulan, yang mana menjadi "ceiling" bagi caruman-caruman. Tidak terdapat perlindungan berterusan yang sama di bawah Sekim Bencana Pekerjaan. Ini bermakna bahawa apabila gaji seseorang pekerja itu melebihi \$500 sebulan, selepas ianya menjadi pencarum, ianya tidak lagi termasuk di bawah Sekim Bencana Pekerjaan. Majikannya terpaksa mendapat perlindungan baginya di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, ataupun mengambil "Employer's Liability Insurance Policy". Ini menimbulkan masalah yang rumit terhadap pekerja-pekerja yang gajinya turun naik dari had \$500 sebulan. Majikan-majikan menghadapi masalah menginsurankan semula pekerja tersebut di bawah Sekim Bencana Pekerjaan setiap kali gajinya jatuh dari paras \$500. Ini akan menimbulkan kekeliruan, kesulitan dan kesusahan kepada kedua-dua pihak majikan dan pekerja. Yang demikian, Fasal 40 memperuntukkan bahawa seseorang berinsuran yang gaji bulanannya bertambah lebih dari \$500 selepas memasuki Sekim Keselamatan Sosial, ia akan terus diliputi di bawah bencana kerja sepertimana ia diliputi di bawah sekim ilat.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada kritik-kritik yang selalunya dilemparkan terhadap sekim ini ialah, bahawa bayaran faedah bagi bencana pekerjaan adalah terlalu rendah dan tidak mencukupi. Faedah-faedah di bawah Akta ini adalah berkaitan dengan gaji. Yang demikian, jika gaji orang berinsuran itu rendah, maka faedah-faedahnya juga turut rendah. Akta ini meliputi semua pekerja-pekerja di dalam kumpulan yang bergaji rendah termasuk pekerja-pekerja casual dan pekerja-pekerja sambilan, asalkan mereka

bekerja di dalam perusahaan yang diliputi di bawah PERKESO. Misalnya, seseorang pekerja yang berpendapatan di antara \$30 dan \$50 sebulan, jika hilang upaya secara sementara, akan mendapat faedah 60% dari purata gajinya. Ini hanya berjumlah \$24 sebulan atau 80 sen sehari. Dengan menyedari kesusahan dan masalah yang dihadapi oleh kumpulan pekerja yang berpendapatan rendah ini, maka telahpun diputuskan supaya diadakan satu kadar faedah minima yang dicadangkan sebanyak \$2.50 sehari atau \$75 sebulan, bagi hilang upaya sementara atau hilang upaya langsung yang kekal. Pada kadar faedah sebanyak 60% dari gaji puratanya itu, kadar faedah minima sebanyak \$75 sebulan bererti bahawa orang yang berinsuran itu dijamin faedahnya pada asas gaji \$125 sebulan. Fasal 41 bertujuan untuk mengujulkan kadar ini dengan cara meminda Jadual Keempat Akta ini.

Dalam soal ini, ingin saya menegaskan bahawa baru-baru ini pada 15hb Mei, 1978 Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengumumkan kenaikan 5% dan 7% masing-masing bagi faedah pencen hilang upaya langsung yang kekal dan faedah orang-orang tanggungan, berkuatkuasa dari 1hb Januari, 1977. Secara am kenaikan ini telah menambahkan kadar faedah kepada satu paras yang lebih sesuai selaras dengan keperluan-keperluan pekerja-pekerja. Pindaan-pindaan tersebut yang memperuntukkan kadar minima faedah-faedah, dengan sendirinya menyelesaikan tugas-tugas pengkajian semula faedah-faedah yang dibayar di bawah Sekim PERKESO pada setakat ini. Saya memberi jaminan kepada Dewan ini, bahawa kadar faedah dan operasi sekim ini akan sentiasa diteliti dan dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja diberi perlindungan yang bererti dan lengkap di bawah keselamatan sosial.

Di sini izinkan saya beralih kepada cadangan untuk menjadikan Social Security Organization (SOCSO) sebagai satu badan berkanun di bawah penguasaan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, melalui satu Badan Pengelola. Cadangan ini bukan satu perkara yang baru, malahan sebelum pertubuhan ini ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 1971, satu dari perkara-perkara yang dibincangkan dengan panjang lebar pada masa itu ialah sama ada Pentadbiran Keselamatan Sosial ini patut diamanahkan kepada Kerajaan atau kepada satu institusi

yang berotonomi. Wakil-wakil dari kedua-dua pihak majikan dan pekerja lebih bersetuju dengan cadangan yang kedua itu. Walau bagaimanapun, selepas perbincangan lanjut, telah diputuskan, demi untuk kepentingan ekonomi dan kelicinan pentadbiran, Kerajaan diminta mentadbirkan sekim ini, di peringkat permulaannya.

Sukacita saya menyatakan bahawa SOSCO pada tempoh ini, telahpun mencapai satu peringkat kemajuan yang dibanggakan. Dengan kakitangan seramai 66 orang sahaja, pada permulaan penubuhannya secara kecil-kecilan pada tahun 1971, Sekim Bencana Kerja telah dilancarkan di Johor Bahru dengan meliputi jumlah 825 majikan dan 24,707 pekerja-pekerja. Setakat pertengahan tahun ini, bilangan majikan telahpun bertambah kepada 26,619 dan bilangan pekerja melambung naik kepada 997,964 orang. Satu perkembangan yang agak luas telah dicapai dan sekim ini sekarang dilaksanakan daripada 33 pusat. Angka ini pada hakikatnya mencerminkan lebih dari 22% jumlah tenaga pekerja yang aktif sedang bekerja di negara ini. Dalam tempoh ini, jumlah caruman juga menunjukkan pertambahan yang menggalakkan dari hanya \$73,000 pada 1971 hingga lebih \$30,000,000 pada tahun lepas. Pada masa sekarang SOCSO mempunyai 33 pejabat-pejabat cawangan di seluruh Malaysia dengan jumlah kakitangan seramai 511 orang.

Dari maklumat-maklumat di atas, nyata-lah bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial telah mencapai kejayaan yang cemerlang sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1971, iaitu 7 tahun lalu. Adalah perlu bagi SOCSO pada ketika ini untuk menjadi lebih "flexible" serta berupaya untuk melaksanakan dasar-dasar baru dengan cepat dan berkesan, sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan, Pindaan-pindaan yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini, jika diluluskan, akan memberi SOCSO kuasa-kuasa yang diperlukan dan "flexibility" dalam mentadbirkan sekim-sekim keselamatan sosial yang berkembang dengan cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan meneruskan huraian bagi aspek-aspek yang lebih penting dalam cadangan untuk mengubah taraf SOCSO menjadi satu badan berkanun. Fasal 15 bertujuan untuk memperuntukkan beberapa Seksyen-seksyen baru, Seksyen 59 (A) hingga 59 (O).

Seksyen 59 (A) bertujuan untuk memberi kuasa kepada Pertubuhan untuk bertindak sebagai satu badan pertubuhan (Body Corporate). Seksyen 59 (B) menubuhkan satu Badan Pengelola sebagai badan tiga pihak (tripartite) dengan penyertaan secara langsung oleh wakil-wakil Kerajaan, majikan-majikan dan orang-orang berinsuran. Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan menjadi Pengerusi Badan Pengelola dan Ketua Pengarah SOCSO sebagai Timbalan Pengerusi. Seksyen 59 (E) dan 59 (F) memperuntukkan syarat-syarat dan kelayakan bagi menjadi ahli Badan Pengelola. Seksyen 59 (G) dan 59 (H) memperuntukkan perlindungan biasa di bawah Ordinan Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948 dan Kanun Keseksaaan bagi ahli-ahli Badan Pengelola, pegawai-pegawai dan kakitangan SOCSO. Seksyen 59 (I) bukan sahaja menggariskan tanggungjawab-tanggungjawab Badan Pengelola kepada Menteri pada amnya, bahkan ia juga menjadikan Badan Pengelola bertanggungjawab menjalankan arahan-arahan Menteri. Seksyen 59 (J) membolehkan Badan Pengelola memberi kuasa yang perlu kepada Pengerusi, Ketua Pengarah atau lain-lain orang supaya Badan Pengelola dan SOCSO boleh bertindak dengan cekap dan lancar. Seksyen 59 (K) membolehkan Ketua Pengarah menjalankan kawalan pentadbiran ke atas Pertubuhan ini, tertakluk kepada arahan-arahan Pengerusi dan Badan Pengelola. Seksyen 59 (L) dan 59 (M) memberi kuasa kepada Badan Pengelola untuk melantik pegawai-pegawai dan kakitangan SOCSO serta mengadakan struktur atau susunan pertubuhan sebagaimana yang difikirkan perlu. Seksyen 59 (N) dan 59 (O) memperuntukkan pengurusan perkara-perkara kakitangan, berkaitan dengan kawalan dan disiplin mereka.

Fasal 42, Rang Undang-undang tersebut, mengemukakan dua Jadual kepada Akta ini, Jadual Keenam dan Jadual Ketujuh. Jadual Keenam memperuntukkan perkara-perkara tatacara bagi Badan Pengelola dan Jadual Ketujuh memperuntukkan perkara-perkara yang boleh dimasukkan dalam kaedah-kaedah kakitangan yang boleh dibuat oleh Badan Pengelola dengan kelulusan Menteri.

Fasal 16, Rang Undang-undang ini iaitu Seksyen 60 yang baru, bertujuan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Keselamatan Sosial. Ianya akan menjalankan tugas-tugas

penasihat atas perkara-perkara am mengenai Kemajuan rancangan-rancangan SOCSO berbeza dengan Badan Pengelola yang disebutkan di atas tadi, yang akan mempunyai tugas-tugas eksekutif.

Akhirnya, saya ingin menjelaskan tentang Fasal 12 yang bertujuan untuk membatalkan Seksyen 47—satu seksyen yang telah menimbulkan banyak kesulitan kepada setengah-setengah majikan. Seksyen 47 ini membenarkan ganti rugi dituntut oleh SOCSO daripada seorang majikan dalam kes-kes kemalangan yang disebabkan oleh kecuaihan pihak majikan mematuhi undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dalam perusahaan berkenaan. Walaupun seksyen ini telah dimasukkan sebagai satu fasal “deterrent” ada sebilangan majikan yang berpendapat bahawa oleh kerana mereka telahpun dikehendaki menginsurankan pekerja-pekerja mereka dengan SOCSO, adalah tidak adil bagi SOCSO untuk menuntut dari mereka bayaran-bayaran selanjutnya bagi kecederaan yang mungkin timbul. Perkara ini telah ditimbang dengan sewajarnya dan akibat daripada ini Seksyen 47 dicadangkan untuk dibatalkan. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa majikan-majikan tidak lagi bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan di dalam kilang-kilang mereka. Saya telahpun mengarahkan Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya supaya melipatgandakan lagi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967, memandangkan kes-kes kemalangan telah meningkat di seluruh negara.

Dalam matlamat akhirnya SOCSO adalah berminat untuk mengelakkan kemalangan serta memajukan suasana kerja yang sihat dan selamat, seperti juga ia memperuntukkan faedah-faedah untuk membantu mereka yang mengalami kehilangan pendapatan melalui kemalangan di tempat-tempat kerja. Tidak ada satu apa pun yang dapat mengganti rugi sesuatu keluarga yang kehilangan “breadwinner” di dalam kemalangan, atau seseorang yang mengalami kehilangan upaya melalui kemalangan-kemalangan seperti ini.

Dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini, saya ingin menjamin bahawa kita akan terus menilai operasi Akta ini dan memperbaiki lagi keperluan sekim-sekim ini, jika diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.37 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang amat penting dan mustahak, namun demikian saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk memberi sedikit pandangan saya terhadap syor-syor dan komen-komen dan juga terhadap ucapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan semasa memperkenalkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak sekim SOCSO dilaksanakan pada tahun 1969 banyak desakan telah dibuat supaya sekim SOCSO patut dikaji semula supaya Sekim ini dapat dijalankan dengan cara yang boleh membawa faedah maksima kepada pekerja-pekerja yang diberi perlindungan di bawah Sekim SOCSO ini.

Saya berasa amat gembira bahawa desakan-desakan yang telah dibuat itu telah diambil perhatian oleh Kerajaan khususnya oleh Kementerian yang berkenaan dan pada hari ini kita semua dapat melihat bahawa satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan), 1978 dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri ialah untuk memperbaiki perjalanan Pertubuhan Keselamatan Sosial atau SOCSO dan memberikan kelonggaran dalam pentadbiran rancangan-rancangan keselamatan sosial

yang bertambah dengan pesat. Salah satu tujuan lain ialah untuk mengemaskini Akta SOCSO supaya boleh dipakai sama-sama bagi rancangan bencana kerja dan rancangan ilat kedua-duanya dan juga untuk menambah faedah dan bantuan yang akan diberi dalam kes-kes kematian dan ilat, menambah tempoh dan bidang liputan dalam kes-kes tertentu, menetapkan kadar minimum faedah harian bagi bencana kerja dan memberi kuasa-kuasa tambahan kepada Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai tertentu di pertubuhan ini.

Setelah meneliti pindaan-pindaan yang telah dicadangkan di sini, saya ingin mengalukannya dan khususnya mengenai Fasal 40 yang memperuntukkan bahawa seseorang penginsuran yang gaji bulannya bertambah lebih daripada \$500 selepas memasuki Sekim Keselamatan SOCSO ia akan terus diliputi di bawah bencana kerja sepertimana ia diliputi di dalam Sekim Ilat dan juga ada satu pindaan yang telah mencadangkan mengenai penetapan satu kadar faedah minima sebanyak \$2.50 sehari atau \$70 sebulan bagi hilang upaya sementara atau hilang upaya langsung yang kekal. Saya berpendapat bahawa pindaan ini adalah sangat sesuai dan wajar dan saya sebagai seorang Wakil Rakyat yang selalu mengambil minat terhadap kebajikan pekerja-pekerja di negara kita, saya ingin memberi sokongan saya kepada pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada berkata bahawa sejak Sekim SOCSO dilaksanakan masalah yang besar yang selalu dialami oleh pekerja-pekerja di bawah Sekim SOCSO ialah mengenai pembayaran kadar faedah yang mana mereka yang terlibat merasa kadar faedah tidak cukup atau kurang dan tidak begitu membawa keuntungan kepada mereka. Memandangkan kepada perkara ini, sungguhpun tadi saya ada berkata bahawa sungguhpun menyokong pindaan-pindaan yang telah dicadangkan, tetapi saya sangat tertarik dengan satu jaminan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa kadar faedah dan operasi sekim ini akan sentiasa diteliti dan dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja diberi perlindungan yang bererti dan lengkap di bawah Sekim Keselamatan Sosial ini.

Memandangkan kepada hakikat ini, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada sidang yang akan

datang bahawa Kerajaan boleh dan dapat mencadangkan satu pindaan lagi yang mana saya merasa adalah sangat penting dan tentu ada untuk kepentingan pekerja-pekerja di negara kita yang telah diberi perlindungan di bawah Sekim SOCSO. Pindaan yang saya maksudkan tadi ialah saya berharap bahawa Kerajaan dapat mencadangkan satu pindaan untuk meminda Seksyen 31 Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) yang mana saya rasa adalah amat perlu oleh kerana seorang pekerja yang tercedera di bawah peruntukan yang ada sekarang, yang ujud sekarang telah dinafikan hak untuk membawa kesnya ke Mahkamah Undang-undang atau mahkamah biasa untuk menuntut pembayaran pampasan sekiranya ia dapat membuktikan kecuaiannya atau kelalaian pihak majikan yang mengakibatkan kemalangan itu berlaku.

Izinkan saya membaca Seksyen 31 Akta Keselamatan Sosial dan oleh sebab seksyen itu pendek sahaja, saya harap mendapat izin dari Tuan Yang di-Pertua dan oleh kerana Seksyen 31 mengenai Akta asal dalam bahasa Inggeris izinkan saya membacanya dalam Bahasa Inggeris:

“An injured person or his dependants shall not be entitled to receive or recover from the employer of the injured person:

- (i) any compensation under the Workmen's Compensation Ordinance, 1952; or
- (ii) damages under any other law for the time being in force in respect of an employment injury, sustained as an employee under this Act.”

Saya rasa bahawa peruntukan yang ada dalam Seksyen 31 ini adalah tidak berapa adil untuk kaum atau para pekerja dan oleh sebab itu, saya berharap bahawa satu pindaan dapat dicadangkan untuk meminda Seksyen ini supaya dapat membolehkan, itu tujuannya, supaya pekerja-pekerja yang tercedera, satu pilihan untuk memilih di antara mendakwa pihak majikan oleh kerana kelalaiannya di bawah undang-undang biasa atau common law, atau membuat tuntutan di bawah Sekim SOCSO ini. Itu tujuannya supaya ia boleh mendapat satu pilihan, satu choice dan saya harap oleh sebab Yang Berhormat Menteri ada berkata Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengkaji dan meneliti Rang Undang-undang ini dari semasa ke semasa supaya dapat mencari jalan macammata boleh membuat pindaan-pindaan lagi supaya dapat menentukan Akta

ini dapat dijalankan dengan secara berkesan untuk membawa faedah kepada pekerja-pekerja. Oleh sebab itu, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menimbang syor saya ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.48 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya dalam menyokong dan mengalu-alukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1978 ini dan bagi memperkemas lagi perjalanan dan kuasa-kuasa kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial dalam melaksanakan tanggungjawab dan kewajibannya. Dengan pindaan dan penyusunan semula organisasi dan juga badan pengelola dengan struktur yang ada iaitu struktur baru serta kuasa-kuasa yang lebih luas itu, saya berharap Pertubuhan Keselamatan Sosial ini akan menjalankan satu khidmat dan tanggungjawabnya yang benar-benar memberi faedah kepada Keselamatan Sosial Pekerja.

Pertubuhan Keselamatan Sosial yang telah mengadakan Sekim Insuran Bencana Pekerjaan dan juga Sekim Bencana Ilat, kedua-dua sekim ini yang dapat dipakai bersama-sama apabila Akta pindaan ini dilaksanakan demi untuk memberi faedah dan juga bantuan yang sepatutnya di dalam kes-kes kematian dan ilat yang berlaku kepada ramai pekerja-pekerja yang ada di dalam kilang-kilang perusahaan dan juga di dalam sektor-sektor yang lain.

Di dalam soal ini kebanyakan majikan-majikan yang mempergunakan tenaga pekerja dan juga memberi layanan yang baik semasa ataupun selama tenaga pekerja itu dapat dipergunakan. Tetapi apabila masalah sosial yang dihadapi oleh pekerja itu selepas tenaga mereka tidak diperlukan lagi, kebanyakan mereka kadang-kadang diabaikan oleh setengah-setengah majikan lebih-lebih lagi apabila seorang pekerja itu mendapat kecederaan ataupun yang tua yang tidak dapat memberi sumbangan ekonomi lagi kepada majikan tersebut. Oleh itu, saya berharap pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial ini mewajibkan kepada setiap majikan dan menentukan yang mereka telah memasuki Sekim Insuran Bencana Pekerja dan juga Sekim Bencana Ilat ini yang majikan atau taukeh-taukeh yang menggunakan tenaga

pekerja sama ada tenaga pekerja itu sedikit ataupun ramai supaya golongan ini akan mendapat pembelaan yang sewajarnya dalam menjamin keselamatan sosial mereka.

Perkara ini bukan sahaja berlaku kepada industri-industri atau pelombong-pelombong, peladang-peladang ataupun perusahaan yang besar-besar yang kita tahu bahawa perkara ini memanglah telah menjadi satu daripada rancangan mereka tetapi kepada kilang-kilang ataupun perusahaan-perusahaan yang kecil-kecil yang di luar-luar bandar, kerana di luar-luar bandar tidak terdapat kilang-kilang yang besar, tetapi kilang-kilang yang kecil-kecil yang memakai beberapa orang pekerja, ini juga sepatutnya diwajibkan bagi mengambil insuran perlindungan pekerja-pekerja mereka di bawah Sekim ini.

Mereka yang bekerja di kilang-kilang kecil ini kalau kita tahu lebih ramai lagi daripada pekerja di kilang-kilang besar kerana kilang-kilang kecil ini selalu terdapat di luar-luar bandar di merata-rata tempat yang sedikit pun tidak mendapat pembelaan apabila mereka itu mendapat kemalangan atau mendapat kecederaan bagi menyarai keluarga mereka yang di dalam kesusahan akibat daripada kecederaan, tua atau sebagainya.

Dalam sektor swasta baik perindustrian ataupun perusahaan yang benar-benar mahu pun kecil jarang memperhitungkan tentang sekim sakit ataupun bersalin atau soal pencen kepada pekerja-pekerja mereka. Ini menyebabkan selepas pekerja-pekerja itu menamatkan pekerjaannya kerana tua atau kerana menerima kemalangan, maka mereka itu seolah-olah tidak ada punca pencarian langsung selepas daripada mereka yang selalunya, biasa menerima bayaran tiap-tiap bulan daripada majikannya, tetapi apabila mereka tidak berdaya lagi, mereka ini telah terputus langsung tanpa bayaran pencen atau bayaran apa-apa yang patut diterima oleh mereka.

Begitu juga dalam sekim sakit dan bersalin tidak diberi layanan yang istimewa oleh pihak majikan-majikan yang menggunakan pekerja-pekerjanya. Oleh itu, dengan organisasi bentuk baharu ini muga-muga dapatlah diperkemas lagi dengan menjalankan usaha yang baik dan berfaedah ini demi untuk kepentingan pekerja dan juga kepentingan masyarakat dan kepentingan negara ini.

Menyentuh tentang cita-cita Pertubuhan Keselamatan Sosial yang sedang mengkaji kemungkinan untuk melanjutkan sekim perlindungan ini kepada golongan rakyat yang teramai sekali di dalam negara ini iaitu golongan dalam sektor pertanian dan juga nelayan. Mereka itu tidak seperti pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan yang lain atau juga mereka yang makan gaji di pihak swasta yang sedikit sebanyak ada mendapat jaminan daripada majikan mereka ataupun daripada Kerajaan tetapi golongan nelayan ini merupakan satu golongan yang hidup sememangnya sudah miskin dan tenaganya semasa tenaganya segar atau sihat, masalah mereka ini dalam keadaan kemiskinan. Lebih-lebih lagi akibatnya apabila mereka ini menerima kemalangan ataupun tidak mendapat menjalankan usaha menyebabkan seluruh keluarga ataupun familinya akan mengalami kesusahan hidup, mungkin akan mengalami kegilaan, kalau dalam satu novel yang dibuat oleh Encik Shahnnon Ahmad (bagaimana siksanya Omar dan keluarganya yang telah diceritakan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*), ini juga merupai satu masalah sosial yang patut kita pertimbangkan walaupun mereka itu seorang petani, tetapi mereka ini patut menerima pembelaan daripada pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial ini.

Bagi menjayakan keselamatan sosial ini kepada golongan petani dan nelayan saya rasa kerjasama dan peranan yang akan dimainkan oleh Koperasi Peladang dan juga Koperasi Nelayan adalah perlu sekali bagi menggalakkan mereka menyertai perlindungan Sekim Bencana Pekerjaan dan Sekim Bencana Ilat ini yang semata-mata akan memberi faedah kepada golongan petani dan nelayan. Inilah masanya Koperasi Peladang dan juga Koperasi Nelayan ini akan menyedarkan pihak yang selamanya tertindas ini akan menerima pembelaan apabila mereka ini dapat kesusahan ataupun apabila mereka ini menerima bencana yang tidak akan dapat menanggung keluarga mereka apabila selepas daripada mereka tidak dapat mengeluarkan tenaga yang baik bagi mengeluarkan hasil ekonomi kepada keluarga mereka dan juga kepada negara.

Lebih-lebih lagi pentingnya ditekankan sekim keselamatan ini iaitu petani dan nelayan yang menjadi buruh ataupun menjadi awak, kalau kita kata kepada nelayan menjadi awak kepada taukeh-taukeh, ataupun

pengusaha-pengusaha kecil. Mereka ini juga ramai, kerana mereka ini bekerja sebagai buruh atau kuli kepada majikan-majikan atau taukeh-taukeh yang kadang-kadang sedikit pun tidak memberi pembelaan kepada mereka apabila mendapat kesusahan atau mereka tidak dapat lagi bekerja.

Sekim Perlindungan ini patut juga pihak pertubuhan ini akan melanjutkan ke luar-luar bandar kepada majikan-majikan seperti ini supaya mereka yang benar-benar miskin, buruh dan awak-awak nelayan ini akan dapat perlindungan daripada Sekim Keselamatan Sosial ini.

Akhir sekali dengan pertubuhan dan organisasi dalam penyusunan struktur yang lebih baik ini, saya rasa badan ini akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih bebas dan merupai satu badan berkanun di samping di bawah kawalan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, saya rasa adalah sepatutnya akan memberi khidmat yang lebih baik dan lebih berkesan lagi kepada rakyat terutama di dalam soal penyelidikan bagi melanjutkan soal keselamatan sosial ini kepada golongan petani dan nelayan.

Kita tidak mahu Sekim Keselamatan yang hendak diberi kepada petani ini yang masih dalam kajian itu akan selama-lamanya tinggal dalam kajian sahaja, diharap pihak yang berkenaan akan melaksanakan perkara ini supaya dapat dirasai oleh pihak yang benar-benar memerlukan perlindungan apabila mereka tidak dapat mengeluarkan atau menjalankan kegiatan pendapatan bagi keluarga mereka.

Oleh itu, saya menyokong Akta ini dan harap mendapat kelulusan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Damansara.

5.01 ptg.

Tuan V. David (Damansara): Tuan Yang di-Pertua, definisi sosial Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 tadi kita dengar Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan kalau Akta ini boleh dibawa ke luar bandar akan menguntungkan petani-petani; saya adalah seorang yang menerima cadangan itu dan menyokong penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berucap panjang, cuma satu dua patah atas prinsip Akta ini. Sebelum Kerajaan bawa

Akta Keselamatan Sosial, ada juga satu undang-undang iaitu Workmen's Compensation Ordinance, 1952, tetapi bila Kerajaan bawa Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 undang-undang ini ada dikaji oleh seorang expert daripada ILO (International Labour Organisation). Wakil daripada ILO ini siasat selama lebih kurang 6 tahun, tetapi bila dia siasat undang-undang ini, macammana hasilnya? Undang-undang ini saya tidak boleh kata lebih baik dari Workmen's Compensation Ordinance, 1952.

Kalau mengikut definisi Akta Keselamatan Sosial Pekerja, ia mestilah jaga kehidupan pekerja yang penuh sekali. Yang pertama kalau pekerja mendapat kemalangan di tempat kerja, dalam kilang atau lain-lain tempat kerja. Dari hari pertama sampai hari keempat kemalangan, pekerja itu tidak mendapat gaji yang penuh, tetapi dalam Workmen's Compensation Ordinance pekerja itu mendapat gaji penuh daripada hari kemalangan. Dalam Akta ini tidak ada syarat itu. Seorang pekerja yang mendapat kemalangan dapat sagu hati 60%—tidak penuh. Orang yang bergaji \$500 ke atas tidak dapat faedah dalam Akta ini.

Bila Kerajaan bawa undang-undang ini pada tahun 1952 gaji \$500 adalah boleh dikatakan gaji yang besar, tetapi sekarang tahun 1978 \$500 tidaklah merupakan gaji yang besar yang mana pekerja kilang ataupun sektor swasta ada juga dapat lebih dari \$500. Kalau orang itu ada skill boleh bekerja ataupun boleh pegang kuasa dan pangkat besar dalam kilang-kilang. Saya minta \$500 ini tidak lagi boleh digunakan dalam masyarakat kita. Gaji yang lebih \$500 mestilah dapat faedah dalam Akta ini, kalau faedah ini mahu jaga pekerja seluruh tanahair kita.

"Quantum" ataupun jumlah wang yang patut dibayar bila mendapat kemalangan di tempat kerja adalah tidak mencukupi dan jumlah wang itu adalah sangat kurang, minima bukan maksima. Saya minta Yang Berhormat Menteri tolonglah ubah dan beri cukup penuh yang mana pekerja yang hilang kaki atau tangan, kadang-kadang mata, sampai pekerja itu hidup dalam dunia mestilah faedah ini dijaga dengan sepenuhnya.

Industri-industri yang baru, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mestilah jaga keselamatan (safety). Safety tidak cukup dalam kilang-kilang atau tempat kerja. Lagi satu

saya minta Yang Berhormat Menteri kita menerima definisi Akta Keselamatan Sosial, mestilah kita mahu ada peringkat Insuran Pengangguran. Sekarang ada persaraan pekerja Kerajaan (public sector). Pekerja sektor swasta tidak dapat persaraan bila kena berhenti kerja ataupun sampai umur 55 tahun atau kadang-kadang 60 tahun, dia tidak dapat apa-apa faedah selama hidup dalam dunia ini.

Satu Welfare State kalau kita menerima konsep itu, kita mestilah membayar Insuran Pengangguran dan satu faedah yang mustahak sebab sektor swasta tidak mendapat apa-apa faedah bila lepas kerja ataupun berhenti kerja. Saya nampak dalam pindaan ini ada juga bawa reformasi yang bukan boleh dikatakan yang penuh, yang lebih kurang boleh menerima tetapi perkara ini saya minta tambah Insuran Pengangguran. Lagi satu bila pekerja itu mendapat kemalangan mestilah dapat faedah daripada hari pertama yang mana faedah itu mestilah penuh, bukan 60%.

Pada masa akan datang maksima \$500 itu, Akta ini tidak jadi operasi saya minta Kerajaan siasat. Saya harap Kerajaan bolehlah bawa tambahan tahun 1978 ini sebab yang pertama Workmen's Compensation Ordinance itu Kerajaan bawa pada tahun 1952.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

5.10 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong satu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan saya berpendapat Rang Undang-undang yang telah dirangkaikan oleh Kerajaan khususnya oleh Kementerian berkenaan adalah satu bukti yang menunjukkan Kerajaan kita sungguh-sungguh mengambil berat kepada semua rakyat jelata yang tidak dikira samada dia daripada golongan yang atas iaitu yang berjawatan tinggi seperti majikan dan sebagainya, malahan Kerajaan juga mengambil berat sungguh-sungguh di atas nasib pekerja-pekerja khususnya yang dipinda dan ditambah untuk mengemaskannya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan hujjah-hujjah saya di atas sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini

sukalah saya tegaskan kepada sifat-sifat kejadian Tuhan yang telah menjadikan alam sifat berlawanan. Makna sifat berlawanan ini berpasang-pasangan. Ini ada sangkut dengan Rang Undang-undang ini. Lelaki lawan perempuan, kaya-miskin, dunia-akhirat, syurga-neraka, malam-siang, pendek kata semuanya berlawanan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya ialah pindaan Akta ini.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, ada bersangkutan. Maksud saya taukeh atau majikan lawannya kuli. Itu perbandingan yang saya hendak katakan tadi. Jadi ertinya kalau tidak ada kuli ataupun bahasa surat tidak ada buruh tidak ada majikan. Adanya majikan sebab adanya buruh sebagaimana yang saya katakan tadi, adanya perempuan sebab adanya lelaki. Kalau ada lelaki, perempuan tidak ada dunia ini tidak seronok, tidak sporting, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Ini pasangannya.

Maka dengan sebab itulah saya suka tegaskan orang yang menjadi pasangan tadi iaitu majikan hendaklah ingat betul-betul kalau tidak ada buruh orang tidak kata majikan. Adanya buruh sebab ada majikan, tidak ada taukeh, tidak ada kuli sepertimana yang saya katakan tadi; adanya taukeh kata orang kampung, sebab adanya kuli. Dengan sebab itu saya minta perhatian dulu bagi majikan-majikan, industri-industri yang mana undang-undang ini terlibat dengan mereka, merekalah yang diwajibkan, yang dipertanggungjawabkan untuk menunaikan segala undang-undang yang telah dirangkakan oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, saya berharap kalau boleh Kerajaan menambahkan dalam bidang selain daripada menolong kepada kemalangan dengan mengadakan guaman-guaman yang tertentu, sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, dunia biasa dikatakan orang iaitu orang bodoh makanan orang cerdik, orang lena makanan orang jaga. Ini sudah adat dunia. Tidak boleh kita hendak buat apa-apa. Sebagai satu contoh, saya tunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tuan Yang di-Pertua sudah tahu, tetapi saya berikan contoh supaya jelas lagi. Pada 8hb dan 9hb Disember lalu kita telah meluluskan satu pindaan Perlembagaan Malaysia. Walhal kita telah ada di dalam Perlembagaan kita siapa yang

bersalah boleh ditangkap. Minta maaf, termasuk pegawai-pegawai Kerajaan yang sabit kesalahannya boleh diberhentikan kerja dan sebagainya, khasnya berkenaan dengan kalau tidak silap saya pada minggu lepas perkara 149 yang boleh kita tangkap pendedar dadah.

Kita tahu mereka ini betul-betul salah tetapi tidak boleh hendak dipegang kerana undang-undang kata tidak boleh ditangkap kecuali ada bukti, misalnya, ia memegang benda seperti dadah dan sebagainya. Kalau tidak ada dadah di tangan walaupun kita tahu dia pendedar dadah, kerana tidak ada bukti, mengikut Perlembagaan kita tidak boleh tangkap. Jadi saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kerana pihak majikan ini cerdik, pihak majikan ini orang yang berkebolehan dan kebanyakan buruh ini, Tuan Yang di-Pertua, orang yang tidak ada kebolehan. Kalau ada pun tidaklah sama dengan majikan. Ini saya kata tepat. Kalau tidak masakan dia hendak jadi buruh. Ini 80% kita berani kata. Kalaulah dia ada kebolehanpun tidak sama dengan pekerja seperti kerani, executive dan sebagainya. Ini tentu tidak sama. Maka dengan tidak sama itulah saya takut, walaupun dia dapat kemalangan, kadang-kadang disebabkan pandainya majikan tadi, disebabkan helah-helah lain, biasa tidak dapat masuk. Ini pernah berlaku.

Begitu juga terlampau lambat untuk diselesaikan Tuan Yang di-Pertua, sehingga dicari peguam lain, sehingga memakan masa hampir setahun. Ini telah berlaku di tempat saya, Tuan Yang di-Pertua. Dengan sebab itulah saya berharap sangat kepada Kementerian berkenaan kalau boleh selain daripada kita beri keistimewaan yang mana saya katakan tadi, habuan kemalangan, bencana dan sebagainya Undang-undang ini amat baik. Saya sokong sepenuhnya. Apa yang saya cakap ini tidak bererti saya tidak sokong, saya sokong dengan sepenuhnya. Tetapi yang menjadi sangsi ataupun yang saya takut, kerana orang yang pandai itu memutar-belitkan kerana orang yang hendak cari untung, ini Tuan Yang di-Pertua, dia fikir apa yang dia boleh dapat untung, dia bawa lawyer dan sebagainya. Lawyer ini pula saya tidak kata tidak baik, ada setengah kata orang, peguam ini asal dapat masuk banyak ada kesusahan sama. Seperti saudara saya di sebelah saya inipun peguam juga. Saya tidak kata peguam itu tidak baik, tetapi mereka ini jarang membela kes itu free. Mereka tidak pernah bicara kes itu dengan percuma kecuali

mereka yang terlampau baik sangatlah. Agak saya tiap-tiap peguam ini mesti hendak wangnya, kalau tidak dia tentu tidak mahu. Dia fikir kes itu ada jalan bagi dia, dia mahu menang. Ini bukan saya mengatakan peguam itu tidak baik. Dia pun ada jalan, kalau tidak ada jalan dia tidak buat. Tetapi syarat pertama, fulus dulu kata orang. Kalau fulus itu tidak ada walau macammana kes itu betul pun, dia kata dia tidak mahu bela lagi, kerana peguam-peguam ini cari makan untuk membayar gaji kakitangan dan sebagainya. Itu saya tidak mahu nafikan, Tuan Yang di-Pertua.

Maka dengan sebab itulah saya katakan tadi, guaman yang khas diberi kepada pekerja-pekerja ini kalau sesuatu kemalangan berlaku dan sebagainya. Guaman bagi pihak pekerja diberikan untuk menuntut bela terhadap kemalangan yang telah berlaku kepada diri mereka itu. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, walaupun undang-undang ketat, tetapi dengan adanya manusia yang bicara seperti yang saya katakan tadi mengikut pindaan Perlembagaan pada 8hb Disember, 1978 yang lepas dia akan pusing-pusing akhirnya pekerja-pekerja ini menjadi mangsanya.

Yang kedua, saya berharap sangatlah pembayaran ini kalau boleh dicepatkan sedikit macammana yang saya katakan tadi kerana ini berlaku di tempat saya sendiri yang mana dekat setahun baru dapat melalui peruntukan SOCSO ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak larang kalau satu-satu kemalangan yang berlaku sehingga membawa orang itu mati. Buruh-buruh ini yang selalu mati kerana accident, baik accident dengan tractor ataupun dihipmap pokok dan sebagainya. Lainlah kematian orang-orang kaya. Mereka mati dalam pejabat, ada yang lemah jantung dan sebagainya. Buruh jarang mendapat penyakit seperti itu. Buruh ini kalau dia hendak jadi pun accident keluar darah, pecah kepala barulah dia mati. Penyakit bagi orang yang berada dengan orang bekerja berat dia lain cara penyakitnya. Ini adalah menjadi kenyataan.

Saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, sesudah kita tengok hamba Allah itu mati, sedih, kerana pecah kepalanya, putus tangannya kadang-kadang hamba Allah itu pun meninggal dunia. Tidak percayakah lagi pihak majikan, tidak percayakah lagi pihak polis

atau pihak insuran? Sudahlah hamba Allah itu kepalanya pun ke lain, muka-muka berubah, hendak cari alasan lagi, kena post-mortem juga. Saya pun tidak faham. Kalaulah badannya tergolek-golek, mukanya tidak berubah, hidung tidak berubah tidak ada satu-satu tanda, itu patut. Tetapi rupanya sudah bertukar corak, kepalanya sudah ke lain, kakinya ke lain hendak post-mortem lagi. Saya pun hairan. Apakah penyakit syarikat insuran tidak tahu ataupun doktor-doktor tidak boleh sah lagi. Saya pun tidak faham.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seminit lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Seminit sahaja lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Oh! beri masa juga, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Berilah 5 minit, saya cuba cepatkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah suntuk.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, pendek kata kalau sudah ada kenyataan, saya harap jangan dicari-cari alasan walaupun alasan ini ada untuk hendak menidak-nidakkan supaya dapat kepada pekerja-pekerja tadi.

Satu lagi mengenai badan pengelola, saya harap kepada pegawai-pegawai yang dilantik hendaklah betul-betul bertanggungjawab, saya kata begitu satu, kerana majikan ini dia ada hubungan dengan pihak pengelola, bukan saya kata tidak baik, tetapi dia ada hubungan, buruh sahaja tidak ada. Jadi saya takut kerana badan pengelola ini rapat dengan majikan maka akhirnya buruh tadi menjadi mangsa. Dengan sebab itu badan-badan yang dilantik tadi seperti majikan dan pegawai-pegawai Kerajaan, saya harap pekerja-pekerja ini yang mewakili betul-betul bertanggungjawab kepada pekerja.

Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua tidak beri saya bercakap lagi kerana masa sudah cukup, saya sudah dengan harapan, dengan terlaksananya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) ini, saya berharap supaya nasib-nasib buruh, dengan adanya buruh, ada majikan; kalau tidak

majukan pun tidak boleh kaya. Kayanya majikan kerana adanya buruh bekerjasama, simpatilah kepada hamba Allah ini masa bekerja dan juga masa ia dapat kemalangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

5.22 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong dan mengalu-alukan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1969 ini.

Saya mengalu-alukan dan memberi tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana ini menunjukkan Rang Undang-undang ini menjadi bukti yang nyata bahawa Kerajaan kita memberi perhatian yang berat kepada kepentingan dan keselamatan pekerja-pekerja kita di negara ini. Sungguhpun sering kita dengar terutama sekali daripada parti-parti Pembangkang seperti Parti Sosialis Rakyat, Parti DAP dan sebagainya yang sering melemparkan tuduhan-tuduhan yang melulu yang menyatakan bahawa Kerajaan tidak memberi perhatian yang berat kepada pekerja-pekerja maka pada hari ini melalui kewibawaan dan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri Buruh kita maka di sini terang dan nyata dengan adanya Rang Undang-undang pindaan ini bahawa Kerajaan kita pada hari ini memang memberi perhatian yang berat kepada keselamatan dan kepentingan pekerja-pekerja. Pindaan yang telah dibuat ini, pada pendapat saya semata-mata untuk memberi pertolongan, memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di negara kita.

Sekali lagi syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tetapi sudah memang tentu bahawa tidaklah semuanya undang-undang ini lengkap, mestilah ada kelonggaran-kelonggaran—itu sudah pasti. Tetapi yang pentingnya bahawa hasrat dan cita-cita pindaan ini ialah untuk memberi pertolongan yang sepenuhnya kepada pekerja-pekerja dan saya percaya Rang Undang-undang ini bukan dibuat disebabkan oleh gesaan-gesaan dan tekanan daripada Parti DAP atau daripada pihak-pihak yang sedemikian. Rang Undang-undang ini timbul dan diilhamkan oleh Kerajaan

sendiri pemerintah sendiri memberi perhatian dan kepentingan berat kepada pekerja-pekerja di negara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sepang, duduk sekejap. Silakan.

Tuan Lee Lam Thye: Dalam ucapan saya tadi, saya tidak ada sebut bahawa Rang Undang-undang pindaan ini dibuat akibat desakan-desakan daripada DAP. Saya tidak sebut itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menjawab wakil dari Kuala Lumpur Bandar kerana saya tidak give way kepada dia, dan saya tidak mahu memberi jawapan kerana pada pendapat saya, saya tidak perlu memberi jawapan itu. Bagaimanapun selepas daripada Dewan ini, saya akan berikan jawapan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan had \$500 di mana undang-undang ini berkuatkuasa, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Damansara supaya perlaksanaan undang-undang ini dilaksanakan kepada mereka yang berpendapatan lebih daripada \$500 untuk masa ini, mungkin di masa-masa yang akan datang, mungkin ada justifikasinya untuk Rang Undang-undang ini meliputi mereka yang berpendapatan lebih daripada \$500. Tetapi untuk masa ini, untuk keadaan sekarang ini, mencukupilah ceiling itu, iaitu \$500 untuk berkuatkuasanya Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1969 ini. Dan yang lebih penting, kalau boleh saya menyenutuh di sini, ialah supaya meluaskan bidangkuasa undang-undang ini bagi meliputi sepertimana rakan-rakan saya telah menyatakan tadi untuk meliputi kawasan-kawasan di luar bandar, untuk meliputi petani-petani, untuk meliputi nelayan-nelayan. Kalau mereka ini sudah dapat kita memberi pertolongan, barulah pada pendapat saya boleh kita menaikkan had gaji \$500 yang lebih tadi untuk operasi undang-undang ini, tetapi selagi dan selama operasi dan bidang kuatkuasaan undang-undang ini masih tidak sampai keluar bandar, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya jangan meminda had \$500 seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang ada sekarang ini.

Yang kedua, ialah bersabit dengan pelaksanaan undang-undang ini. Dari segi undang-undang, rasa saya payah kita hendak mencari celanya, kelemahannya walaupun ada sedikit-sedikit, tetapi apa yang saya khuatir kalau-kalau pelaksanaan undang-undang ini lemah. Tetapi saya percaya Kementerian kita merupakan suatu Kementerian yang memang efficient dan cekap dan saya percaya Rang Undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dengan teratur, dengan cekap dan baik supaya tidak ada apa-apa rungutan, aduan dan tidak puasan hati kepada pekerja-pekerja di dalam proses pelaksanaan undang-undang yang insya Allah akan diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Akhir sekali ialah bersabit dengan naskah sahah undang-undang ini. Mengikut Rang Undang-undang yang ada di hadapan ini, naskah sahahnya ialah di dalam bahasa Inggeris. Saya amat berdukacita sekali bahawa Rang Undang-undang yang begitu penting, naskah sahahnya di dalam bahasa Inggeris dan bukan di dalam Bahasa Malaysia, oleh kerana undang-undang ini saya percaya akan diteliti, akan menjadi panduan kepada pekerja-pekerja kita. Yang saya percaya sebilangan besarnya tidak memahami bahasa Inggeris dan saya percaya sebilangan besar pekerja-pekerja yang terlibat dengan SOCSO ini akan membaca Rang Undang-undang ini dengan penuh berhati-hati, dengan teliti. Malangnya oleh kerana naskah sahah ini di dalam bahasa Inggeris maka ini akan menjadikan suatu kesusahan bagi mereka, kerana maklumlah di dalam penterjemahan, mungkin penterjemahannya tidak tepat dan mungkin mereka akan silap tafsir apabila mereka membaca naskah di dalam Bahasa Kebangsaan, dan saya merayu dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kalau boleh jadikan naskah Bahasa Malaysia sebagai naskah sahah undang-undang ini supaya dengan itu pekerja-pekerja kita yang tidak faham dalam bahasa Inggeris dapat memahami, dapat menjadikan ini sebagai buku panduan mereka dalam bidang keselamatan dan kepentingan pekerja-pekerja.

Saya percaya untuk hendak menjadikan Bahasa Malaysia sebagai naskah sahah Rang Undang-undang ini, ianya tidak menjadi suatu perkara yang rumit bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.30 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya yang lain untuk memberi pendapat berkenaan dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan), 1978 yang dipinda daripada Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Kita dapati satu pindaan yang sangat besar daripada Rang Undang-undang Pindaan ini, iaitu daripada Fasal 1 hingga Fasal 42. Kalau sekiranya saya ingin menyertai perbahasan antara satu Fasal ke satu Fasal, ertinya mengambil masa yang panjang di dalam Majlis ini. Saya cuma akan bercakap daripada beberapa bahagian yang sebelumnya saya dapati kemungkinan sahabat-sahabat saya yang lain belum menyentuh lagi.

Di samping ini kita dapat hasrat Yang Berhormat Menteri melambangkan hasrat Kerajaan Barisan Nasional yang sedia pada bila-bila masa untuk membaiki, menyusun, mengambil berat hal ehwal pekerja-pekerja di seluruh negara. Daripada pindaan Akta ini, saya nampak, khasnya di dalam Dewan ini sudahpun diperakui, diterima seluruhnya, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP; iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sahabat saya itupun sudah memperakui bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini adalah baik dan didapati tidak dapat bantahan daripada mana-mana pihak. Tetapi sungguhpun begitu, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun barangkali sedia untuk mendengar pandangan-pandangan dari kami sepertimana yang disebut juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dengan mendapat sokongan daripada Ahli Yang Berhormat dari Sepang supaya diperluaskan kepada keseluruhan yang dimaksudkan pekerja-pekerja, baik nelayan, penoreh getah atau apa juga yang mereka disebut dalam istilah biasa "makan gaji". Oleh sebab itu, eloklah pihak Kerajaan mengambil perhatian hal ini dan dapat mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, SOCSO ini, kalau tak silap saya, ialah badan berkanun di bawah tadbir Kementerian ini, ia bukan menjadi satu Jabatan Kerajaan. Di dalam negara kita ini kalau disebut "Jabatan Kerajaan" barangkali lebih tegas, lebih diyakini, lebih diharap-harap daripada rakyat daripada disebut "badan berkanun". Oleh sebab itu saya suka mengesyurkan supaya SOCSO, yakni badan berkanun ini dijadikan sebuah

Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian ini, bukan sebagai badan berkanun. Saya percaya jika ditukar di bawah satu Jabatan Kerajaan, SOCSO ini akan menjadi satu Jabatan yang mempunyai tanggungjawab sepertimana Jabatan-jabatan lain juga di dalam negara kita. Oleh itu lagi sekali saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat berfikir semula supaya badan berkanun SOCSO yang dimaksudkan ini yang dikelolakan oleh sebuah badan pengelola ditukar menjadi satu Jabatan Kerajaan.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, di antaranya, bagi menetapkan kadar minimum faedah harian bagi bencana kerja, ini satu langkah yang baik kerana sehingga setakat ini apabila sahaja Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dilaksanakan, saya dapati rakyat yang terlibat, yakni pekerja-pekerja yang terlibat dan mereka tahu bahawa Kerajaan mengambil berat mempunyai satu Akta yang tertentu bagi menyelesaikan masalah mereka di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 yang biasa disebut oleh mereka SOCSO. Tetapi dalam perlaksanaannya saya percaya, bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun biasa mendengar rayuan daripada pekerja-pekerja yang terlibat, yakni pekerja-pekerja yang malang yang kemalangannya terjadi pada masa mereka bekerja, pada masa mereka menjalankan tugas. Apabila kejadian itu berlaku, biasanya mereka mengadu kepada SOCSO dan biasanya mengadu kepada pihak-pihak yang lain supaya dapat disampaikan kepada SOCSO. Tetapi apabila perlaksanaannya dijalankan, mereka datang lagi berjumpa, mereka kurang yakin yang mereka dapat ini sebenarnya daripada Akta yang telah ada, daripada peraturan SOCSO yang telah ada. Mereka kurang percaya bahawa Kerajaan sudah buat begini kepada mereka.

Mereka menganggap barangkali SOCSO ini sebuah badan berkanun yang ia tidak ada kemampuan sepertimana Jabatan Kerajaan. Tetapi nampaknya pada hari ini apabila Akta ini ditukar dengan begini rupa dengan mengambil masa yang panjang, daripada Fasal 1 sampai Fasal 42 dan jika dapat diketahui oleh pekerja, sepertimana yang dikatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sepang, supaya ia diterjemahkan dalam bahasa Malaysia supaya ia dapat disebarkan kepada pekerja-pekerja, saya percaya mereka mempunyai satu keyakinan, satu harapan yang baik apabila

Akta ini diluluskan dan dapat dijalankan, tambahan pula jika ia menjadi sebuah Jabatan Kerajaan.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik dari Huraian mengenai Fasal 15 yang berbunyi:

“Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan menjadi Pengerusi Badan Pengelola dan Ketua Pengarah akan menjadi Timbalan Pengerusi. Ini adalah dimaksudkan untuk memastikan supaya Badan Pengelola mendapat faedah penuh dari pengetahuan dan pengalaman Ketua Pengarah.”

Daripada ini yang kita nampak, Fasal ini bermaksud Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan ialah yang dilantik oleh pihak Menteri menjadi Pengerusi Badan Pengelola dan Ketua Pengarah akan menjadi Timbalan Pengerusi. Ertinya dalam hal ini saya menyokong tetapi kalau dijadikan sebuah Jabatan Kerajaan, saya yakin ia dapat berjalan dengan lebih kemas lagi daripada apa yang ditunjukkan di dalam Fasal ini.

Bagi sambungannya, Tuan Yang di-Pertua, berbunyi:

“Menteri akan mengambil segala langkah untuk mengisi kekosongan yang berlaku antara ahli-ahli yang mewakili majikan dan orang berinsuran supaya penyertaan tripartite (tripartite participation) berjalan berterusan. Seksyen 59c memberi kuasa kepada Timbalan Pengerusi menjalankan tugas-tugas Pengerusi dalam masa Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya.”

Saya menyokong juga di dalam Fasal ini, tetapi sepertimana yang saya katakan tadi jika dapat badan berkanun ini menjadi sebuah Jabatan Kerajaan, saya percaya Fasal ini akan menjadi lebih kuat dan lebih tegas lagi.

Saya sambung lagi, Tuan Yang di-Pertua, Huraian mengenai Fasal 36 berbunyi:

Fasal 36 meminda seksyen 106 untuk memberi kuasa kepada Badan Pengelola mengambilkira tentang apa-apa perubahan matan dalam pendapatan keseluruhan hasil dari perubahan-perubahan matan dalam belanja hidup; selepas membuat suatu penilaian aktuari, Badan Pengelola akan mengesyorkan kepada Menteri pelarasan kelas-kelas gaji, carum-carum dan faedah-faedah wang tunai tertentu termasuk kadar-kadar pencen yang telah

diluluskan dan sedang dalam pembayaran. Peruntukan-peruntukan ini yang dimaksud untuk menyanggara, setakat yang berpatutan, nilai sebenar faedah-faedah, terutama sekali pencen, adalah mengikut peruntukan-peruntukan perenggan 10 Perkara 65 Konvensyen Buruh Antarabangsa mengenai Standard Minimum Keselamatan Sosial (Konvensyen No. 102).

Di dalam Fasal ini, sepertimana yang saya katakan tadi, biasanya di dalam perlaksanaannya apabila seseorang pekerja terlibat dengan kemalangan pada masa ia bekerja, maka ia pergi kepada SOCSOnya untuk membuat sebarang aduan supaya ia mendapat gantirugi bagi menyelesaikan masalahnya.

Sepertimana saya katakan tadi juga, mereka ini selepas sahaja menerima faedah dan sebagainya daripada pihak majikan mereka, mereka masih lagi menyebut tidak puas hati di atas apa yang ada. Tetapi jika Fasal 36 dapat dilaksanakan, saya percaya tentulah baik dan tentulah menarik dan tentulah memberi kepuasan kepada mereka. Cuma bagaimana penyertaan atau bagaimana perlaksanaan ini hendak dijalankan sahaja atau bagi menentukannya oleh pihak Kerajaan supaya dapat pekerja-pekerja menikmati Akta Keselamatan Sosial ini, dapat diselaraskan dan dapat diterima oleh pekerja-pekerja ini.

Di dalam hal yang lain, di samping negara kita sudah mempunyai pekerja-pekerja yang ramai, di samping kita mempunyai pekerja-pekerja yang disebut pekerja-pekerja industri dan pekerja-pekerja lain seperti nelayan, penoreh getah dan sebagainya, jika Kerajaan dapat menyelaraskan bagi keseluruhan pekerja-pekerja kita ini, sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi, saya percaya Akta yang telah diubah dengan begini rupa dapat meliputi kepada semua pekerja, dan saya percaya tidak payah diubah lagi di suatu masa jika ia sudah menjadi satu Akta yang baik dan dapat diterima oleh rakyat.

Misalnya ada seorang pekerja yang pernah saya jumpa. Ia bekerja di dalam sebuah kilang; satu daripada jarinya sudah putus. Berapakah nilai satu jari manusia? Saya percaya tidak ada nilai dapat dibandingkan, kerana jika seseorang kehilangan satu jari, dia tidak dapat membeli satu jari lain di mana-mana pun dan kalau diganti pun dengan jari yang lain, itu tidak boleh digunakan seperti jari biasa. Kalau disebut

satu jari bernilai \$10, \$100, \$1,000—tidak ada nilai. Manusia yang hilang jari yang satu ini akan menderita seumur hidup. Tambahan pula, kita dapati pekerja di dalam negara kita ini muda-muda belaka. Pada masa kehilangan jari yang satu ini, orang yang saya jumpa ini umurnya belum 30 tahun, dan dengan sendirinya ia dianggap sebagai pekerja yang tidak cukup seorang. Majikannya akan memandang ia seorang pekerja yang kurang dapat memberi faedah kepada syarikat kerana ia sudah kurang satu jari. Maka di dalam penghidupan seperti ini, ia menanggung satu penderitaan seumur hidup, tetapi kepada buruh yang berkenaan, ia mendapat suatu gantirugi yang tidak sampai pun \$100. Ini barangkali di dalam Akta yang asal sudah pun menulis, barangkali agak saya, jika satu jari hilang, bayaran gantirugi ditentukan oleh satu-satu pihak. Oleh sebab itu, saya berharap kepada badan pengelola yang sudah disebut di dalam Fasal yang saya katakan tadi, iaitu Fasal 15, dapat menyusun dengan sebaik-baiknya supaya seseorang pekerja yang hilang seanggotanya yang cacat atau sebagainya semasa menjalankan tugasnya ia akan mendapat suatu gantirugi yang menasabah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Biasa terjadi di dalam negara kita, seseorang yang terlibat dalam satu kemalangan, jika ia berkehendakkan mendapat suatu faedah yang banyak, ia terpaksa membawa kes ini dalam mahkamah dan ini mengambil masa pula. Misalnya, Ahli Yang Berhormat dari Sepang, ia menjadi seorang peguam, sudah sedia maklum di dalam hal ini. Saya berkawan dengan beberapa orang peguam pun dan saya sudah mengetahui sedikit-sebanyak bagaimana kesulitan di dalam hal ini. Oleh sebab itu, di dalam Fasal-fasal yang disebut ini dapat meliputi supaya masalah-masalah yang kecil yang saya katakan tadi dapat diambil perhatian dan dapat dilaksanakan dan dapat diberi gantirugi yang menasabah, yang sepatutnya kepada seseorang rakyat ataupun seseorang pekerja yang menjalankan tugas-tugasnya pada masa ia bekerja.

Di dalam kemalangan-kemalangan lain, saya tidak payahlah sebut satu persatu di sini. Tetapi di atas gambaran yang saya sebutkan tadi betapa Akta yang asal dahulu tidak dapat meliputi bagi menyelesaikan masalah, tetapi Akta yang baru ini saya

percaya ia akan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang sudah beberapa kali disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

Dengan ini, saya menyokong supaya Akta Keselamatan (Pindaan) ini dapat diterima.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Baling.

5.47 ptg.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 ini dengan turut mengalu-alukan pindaan yang saya kira lebih berkesan untuk keselamatan pekerja-pekerja dan untuk meluaskan lagi usaha-usaha untuk memberi faedah kepada pekerja-pekerja yang saya harapkan bahawa ia dilaksanakan kepada semua peringkat dan semua sektor.

Dalam menyatakan tujuan-tujuan atau liputan daripada Bill ini, Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan bahawa Akta ini boleh dipakai sama-sama bagi rancangan ilat, kedua-duanya, dan juga untuk menambah faedah-faedah dan bantuan yang akan diberi dalam kes-kes kematian dan ilat menambahkan tempoh bidang liputan dalam kes-kes tertentu, menetapkan kadar minima faedah harian bagi bencana pekerja dengan memberi kuasa tambahan kepada Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai tertentu pertubuhan. Ini saya merasakan suatu perubahan yang bererti.

Bagimanapun, saya mengharapkan bahawa konsep keselamatan sosial itu akan meliputi juga jaminan-jaminan keselamatan yang lain, selain daripada apa yang disebut ini. Tetapi, oleh kerana jaminan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Akta inipun akan disemak dari semasa ke semasa untuk memberi faedah yang lebih meliputi dalam kehidupan pekerja-pekerja, yang saya maksudkan, ialah pada masa hadapan Akta ini akan juga meliputi keselamatan nama baik pekerja-pekerja terutamanya pekerja-pekerja kilang yang terdiri daripada anak-anak gadis yang mana pada masa sekarang ini mereka seolah-olah menjadi cemohan kepada masyarakat dengan sebab pekerjaan mereka.

Mereka diberi berbagai gelaran yang mungkin akan merosakkan kehidupan mereka yang sepatutnya misalnya gelaran "MINAH KARAN" dan sebagainya yang merendahkan nilai mereka dan ini merupakan satu sekatan kepada kehidupan mereka yang bahagia semata-mata kerana mereka bekerja di kilang-kilang.

Dari segi pekerjaan itu, bukan bermakna bahawa pekerjaan itu sendiri hina tetapi faktor-faktor sosial yang meliputi keadaan di kilang-kilang itu menyebabkan mereka terdorong kepada berbagai-bagai masalah kehidupan yang menyebabkan nilai mereka menjadi dipandang tidak enak oleh masyarakat. Maka dengan sebab itu saya harap kalau boleh di masa sekarang ini supaya bidang keselamatan ini bukan hanya ganti-rugi kepada anggota-anggota mereka yang terpotong tetapi juga ialah memberikan satu keadaan yang lebih teratur dan suasana yang lebih sesuai, umpamanya mereka dengan kerjasama daripada pihak majikan dan juga pertubuhan ini, mengadakan kemudahan-kemudahan tempat tinggal dan sebagainya yang lebih berkesan lagi. Walaupun seperti yang saya difahamkan bahawa ada juga pihak-pihak majikan yang menyediakan kemudahan-kemudahan ini tetapi saya harap bahawa kemudahan-kemudahan ini dilaksanakan dengan lebih efektif lagi.

Saya juga akan menyentuh tentang Fasal 7, iaitu seperti yang dinyatakan ialah untuk menambah jumlah bantuan ilat. Walaupun jumlah ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri telah dinaikkan 50 sen kepada \$2.50 sen iaitu kira-kira \$75 dalam sebulan, tetapi saya kira jumlah ini belumlah lagi mencukupi dalam keadaan sekarang ini dan tidaklah sesuai untuk mereka, terutamanya yang hidup di bandar-bandar yang menerima kesan daripada kemalangan-kemalangan dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya diadakan satu jadual pembayaran yang tertentu di mana orang-orang yang berpendapatan lebih rendah itu diberikan peratus yang lebih daripada mereka yang mendapat peluang untuk mendapatkan gantirugi penambahan yang lebih banyak.

Demikian juga mengenai tempoh faedah orang-orang tanggungan selama 2 tahun itu, saya harap bahawa kadar ini pun ditambah sehingga kepada 3-4 tahun memandangkan bahawa walaupun kadar 16 tahun itu sudah

dibenarkan dari segi undang-undang untuk bekerja tetapi kita harus juga mengambil kira peluang-peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan bagi mereka yang menyambung pelajaran saya rasa masa di antara 3-4 tahun itu adalah sesuai supaya mereka berada dalam peringkat tahun pertama universiti yang lebih merupakan satu jaminan kepada mereka. Tetapi kalau hanya pada tingkat menengah rendah sahaja sudah tentulah peluang-peluang untuk mendapat pekerjaan adalah agak sukar. Dan tambahan seperti ini saya rasa sesuai dengan keadaan masa sekarang ini di mana peluang-peluang untuk pekerjaan itu makin terdesak.

Saya juga ingin menyentuh tentang pelaksanaan yang saya harap bahawa Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai tertentu dengan Akta ini telah diberi suatu tambahan kuasa kepada mereka dan diharapkan supaya mereka akan dapat menjalankan kuasa-kuasa itu dengan sebaiknya dengan berkesan supaya dapat memberi jaminan keselamatan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja.

Dalam Fasal 12, Yang Berhormat Menteri telah menerangkan peruntukan bertujuan untuk membatalkan seksyen 47 Akta Ibu yang membenarkan gantirugi dituntut daripada majikan-majikan dalam kes-kes di mana bencana kerja itu disebabkan oleh kecuaiannya mereka. Dalam alasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah dalam hal ini pihak majikan merasakan sulit untuk melaksanakan perkara ini dan kerana itulah maka seksyen ini telah dibatalkan, dan saya merasakan bahawa alasan ini tidak begitu memuaskan kerana walaupun ada kesusahan atau kesulitan untuk melaksanakan perkara ini, tetapi tidaklah boleh dijadikan alasan untuk menghapuskan hak pekerja-pekerja bagi membuat tuntutan-tuntutan akibat daripada bencana yang diterima oleh pekerja-pekerja hasil daripada kecuaiannya pihak majikan, dan ini adalah hak mereka. Dan saya rasa bahawa alasan-alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu hanya melihat atau memandang dari segi kepentingan majikan semata-mata dengan tidak melihat bahawa itu adalah hak kepada pekerja-pekerja. Kalau sekiranya ia menghalang pelaksanaan iaitu kesusahan yang dihadapi oleh majikan-majikan bukanlah caranya dengan menghapuskan hak pekerja-pekerja ini tetapi dengan

mencari satu sistem pelaksanaan yang lebih mudah, yang lebih baik yang dapat memberi faedah dan menafaat kepada kedua-dua belah pihak.

Di sini saya ingin juga menyentuh mengenai lantikan Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sebagai Pengerusi Badan Pengelola. Sekali pandang bahawa ini tentulah suatu perkara yang remeh dan tidak penting tetapi bagi saya ini adalah penting kerana bukan sahaja dalam soal menjadi Pengerusi kepada Badan Pengelola ini tetapi juga suatu tabiat yang saya merasakan merugikan negara yang diamalkan pada masa sekarang ini ialah memberikan beban kepada orang-orang tertentu untuk menjalankan kerja-kerja yang banyak dan menjadi pengerusi dan mengetuai atau bertanggungjawab kepada berbagai-bagai badan.

Kalau seseorang itu mempunyai kemampuan tetapi apabila kemampuannya itu dibahagikan dengan tanggungjawab-tanggungjawab yang berat sudah tentulah kesan daripada kebolehan itu akan menjadi berkurangan. Dengan sebab itulah saya harap walaupun lantikan Ketua Setiausaha ini untuk mempastikan supaya Badan Pengelola mendapat faedah penuh dari pengetahuan dan pengalaman Ketua Setiausaha Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, tetapi saya merasakan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian itu mempunyai tanggungjawab yang besar kepada Kementerian yang ia menjadi Ketua Setiausaha dan patutlah kita pada masa sekarang ini mengamalkan pembahagian kuasa dan tugas yang lebih berkesan terutamanya memberi kepercayaan kepada tenaga-tenaga yang berkebolehan di kalangan pemuda-pemuda yang ramai juga yang berbakat dalam negara kita ini. Apa yang dijalankan sekarang ini ialah memberi tugas yang banyak kepada orang-orang tertentu sehingga orang itu tidak dapat menjalankan dan kemudiannya menyerahkan kepada Ketua Pengarah sehingga tidak diberi satu pengawasan yang sewajarnya.

Saya hanya akan menyentuh perkara yang disebutkan tadi dan bagaimana pun saya menyalu-alukan Rang Undang-undang ini yang saya rasakan ia merupakan satu langkah yang sewajarnya, satu langkah yang progresif di dalam menentukan keselamatan pekerja-pekerja di negara kita.

6.00 ptg.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran dalam perbahasan pada petang ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan perkara opsyen untuk menuntut kerugian di bawah Common Law oleh yang menuntut di bawah Sekim Perkeso kita. Walaupun saya sendiri, sebagai seorang peguam, memang faham akan sedikit sebanyak kebaikan Common Law itu, akan tetapi ada juga kekurangan ataupun buruknya sekiranya Common Law itu diamalkan pada masa ini di bawah Konsep Sosial Security di bawah Perkeso. Saya mengakui di bawah Seksyen 31 seorang yang berinsuran mendapat kemalangan tidak boleh lagi menuntut gantirugi daripada majikan di bawah lain-lain undang-undang seperti sistem Common Law. Keadaan ini bukan unique di Malaysia sahaja. Dengan terlaksana Sekim Pampasan Kemalangan Jalan Raya (No Fault Scheme) di New Zealand dalam tahun 1974, hak mereka yang mendapat kemalangan jalanraya untuk menuntut gantirugi di bawah Common Law telah juga mansuh dengan sendirinya. Begitu juga di Amerika Syarikat, semua negeri Amerika Syarikat telah menerima syor-syor yang terkandung dalam Laporan Wainwright Commission yang memperakukan dan saya minta izin untuk memetik daripada Wainwright Commission yang berbunyi:

"For the future there should be a Workmen's Compensation law which would take care of injured workmen and that as a part of the change to be made, the damage action should no longer be available".

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung dengan petikan dari Report of the Royal Commission of the Enquiry on the compensation for personal injury in New Zealand:

"It is obviously desirable as a matter of social policy, to remove provisions for the Consequence of Industrial hazards from the arena of litigation and conflict between the parties to production so far as this can be done without condoning reprehensible carelessness by the employer. If what is

judged to be adequate compensation is provided from a social insurance fund for industrial accidents, irrespective of any negligence causing them, there is no reason why this compensation should be greater; because the employer has, in fact, been negligent, the needs of the injured person are not greater. With the inevitable uncertainties of legal proceedings, suits for heavy damages on the ground of negligence cannot escape having something of the character of a lottery. In so far as danger of such proceedings is penalty for negligence, it is more effective to make the penalty a direct one of criminal proceedings undertaken by the Public Department responsible for securing industrial safety. Employers can and normally will insure against civil liabilities but they cannot insure against criminal proceedings".

Tuan Yang di-Pertua, dengan lain perkataan, tuntutan di bawah Common Law tidak semestinya berfaedah seperti yang dianggap oleh pihak-pihak yang menyokongnya, kerana yang menuntut itu lazimnya menunggu terlalu lama sebelum kes mereka dapat dibicarakan dan keadaan ini tidak secukup dengan konsep keselamatan sosial, yang satu daripada maksudnya ialah supaya sebarang pembayaran pampasan ataupun suguhati dapat dibayar dan dinikmati oleh yang luka itu dengan cepat. Yang menuntut itu juga akan menghadapi sedikit sebanyak kurang tentunya kejayaan di dalam kes-kes yang dibicarakan itu. Keputusan kes-kes yang berjaya itu pula tidak semestinya dijatuhkan hukuman dengan award tinggi seperti yang diharapkan, maka dengan ini lahir sedikit elemen perjudian yang tidak patut dipakai atas faedah-faedah kepada orang-orang tanggungan atau lain-lain yang menuntut, kerana faedah itu boleh dikatakan satu faedah yang tidak dapat diniagakan dan tidak patut dijudikan.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan di bawah Common Law hanya dapat dibuat apabila kes-kes berasas kepada kecuaihan yang boleh dibuktikan dalam mahkamah kita terhadap pihak-pihak majikan. Oleh sebab itulah, pada setakat ini, Kerajaan tidak hendak memberi opsyen ataupun tidak hendak memasukkan opsyen di dalam Akta ibu kita, akan tetapi seperti saya telah nyatakan tadi, perkara ini sedang diperhatikan dan pada satu masa yang

akan datang sekiranya kita rasa patut ditimbangkan perkara ini, ianya akan ditimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah mengharapkan supaya Sekim Perkeso dapat dijalankan dengan betul-betul. Ini memanglah maksud kita supaya sekim ini dijalankan dengan betul dan sebab itulah pindaan-pindaan yang patut dikemukakan dalam Dewan ini telah dikemukakan dan dibahaskan oleh kita semua bersama-sama.

Berkenaan dengan keselamatan yang telah disentuh itu dan dicadangkan supaya majikan kita diwajibkan untuk menjamin keselamatan dengan lebih berkesan lagi, seperti yang telah saya nyatakan tadi dalam ucapan mengemukakan Rang Undang-undang ini, ini memanglah satu maksud Kementerian saya. Dan itulah sebabnya saya telah pun mengarahkan Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian saya supaya melipatgandakan lagi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967, memandangkan kes-kes kemalangan telah meningkat di seluruh negara. Ini adalah satu perkara yang penting dan adalah dalam perhatian aktif Kementerian saya. Memang juga ada peruntukan dalam Akta ibu kita yang menjamin supaya majikan-majikan kita dapat menjalankan kewajipan-kewajipan mereka itu di bawah Sekim ini dan ini dicerminkan di dalam Seksyen 3 Akta ibu yang berbunyi—izinkan saya memetik:

“This Act shall apply to all industries other than industries employing less than five employees”.

Memang ada daerah-daerah yang belum diliputi oleh Sekim ini, akan tetapi pada satu masa yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua, Sekim ini akan diperluaskan ke seluruh negara kita dengan secepat mungkin.

Sebenarnya mengikut rancangan kita liputan skim ini dianggap akan dijalankan ke seluruh negara kita pada tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan petani dan nelayan kita yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh supaya patut dilibatkan dalam skim ini, saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, berasal daripada kampung campuran petani dan nelayan dan memang faham akan masalah-masalah mereka yang susah. Akan tetapi ada sedikit masalah yang kita hadapi sekiranya kita hendak melibatkan petani-petani dan nelayan-nelayan

kita. Pihak Kementerian saya telahpun dapat persetujuan Ibu Pejabat Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu UNDP untuk membantu satu kajian tentang keperluan kaum petani dan nelayan di bawah Skim Keselamatan Sosial pada awal tahun hadapan. Sebaik-baik sahaja, Tuan Yang di-Pertua, data-data yang perlu dapat disiapkan di bawah banci pertanian negara seorang pakar pertubuhan Buruh Antarabangsa akan tiba di Kuala Lumpur untuk memulakan tugasnya. Pakar ini yang akan berada di Malaysia selama lebih kurang 6 bulan, di antara lain, akan menyediakan satu skim yang sesuai bagi sektor petani dan nelayan, dan skim-skim yang sedia ada tidak sesuai untuk diluaskan ke sektor ini oleh sebab kebanyakan petani dan nelayan tidak mempunyai majikan kerana mereka bekerja sendiri. Maka di bawah Skim Bencana Pekerjaan mereka tidak membuat apa-apa caruman dan hanya majikan sahaja yang dikehendaki mencarum.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menyentuh beberapa perkara di antaranya berkenaan dengan *quantum* yang dikatakan tidak mencukupi dan beliau telah meminta pindaan supaya *quantum* itu dinaikkan lagi dan juga tentang keselamatan di kilang-kilang. Kedua-dua perkara ini telah disentuh dalam ucapan saya pada mula-mulanya iaitu saya telah katakan keadaan akan dikaji dari semasa ke semasa dan pada satu masa sekiranya dianggap perlu tentulah Akta Ibu ini dapat dipinda lagi untuk mencerminkan kehendak-kehendak edaran zaman kita. Beliau telah menyentuh berkenaan dengan waiting period empat hari itu dan saya mengaku ada syarat empat hari waiting period di bawah Akta Keselamatan Sosial tetapi syarat ini terdapat dalam Undang-undang Pampasan Pekerja iaitu pada Seksyen 4, Seksyen Kecil (2) juga.

Jika kecederaan pekerja itu memerlukan cuti sakit lebih daripada 14 hari maka tidak adalah pakai masa menunggu itu lagi dan faedah dapat dibayar pada hari *pertama* juga.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga telah menyampaikan sedikit sungutan berkenaan dengan bayaran faedah yang hanya pada masa sekarang lebih kurang 60% itu dan sudah dicadangkan supaya bayaran itu dinaikkan hingga 100%. Ini adalah tidak sesuai dengan prinsip Keselamatan Sosial. Hanya beberapa buah negara di dunia ini sahaja yang mengamalkan bayaran penuh diberi. Di

bawah skim kita bayar sebenar lebih daripada 6%. Pekerja juga boleh mendapatkan elaun-elaun sebanyak 15% dan lain-lain faedah juga.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga telah menyentuh berkenaan dengan unemployment insurance. Beliau bercadang mengadakan insuran pengangguran. Hendaklah ingat bahawa kita adalah negara yang sedang membangun dan harus berjaga-jaga dan berhati-hati tentang pendekatan yang kita ambil tentang perkara-perkara seperti pengangguran. Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah juga diterima di arena kepakaran bahawa dalam perkara sosial security adalah lebih berkesan dan berfaedah tempoh panjang kepada semua pihak jika kita mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan melalui kemajuan ekonomi kita. Faedah-faedah insuran pengangguran hanya merupakan satu faedah yang jangka pendek dan pendekatan jangka pendek memang tidak dapat memberi faedah kepada mereka yang belum pernah lagi mempunyai apa-apa pekerjaan iaitu dengan izin new job-seekers. Tidaklah dapat dinafikan bahawa kebanyakan daripada mereka yang menganggur di Malaysia seperti di negara-negara lain juga yang sedang membangun adalah terdiri daripada new job-seekers. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidaklah pada saat ini bercadang mengadakan skim insuran pengangguran di bawah SOCSO seperti dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah di antara lain memberi tahu Dewan yang mulia ini berkenaan dengan sedikit masalah yang ada dalam pengetahuan beliau itu. Saya berhutang budi kepada beliau itu kerana memberitahu berkenaan dengan perkara-perkara itu. Saya suka memberi jaminan, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya butiran-butiran yang lanjut itu boleh diberi kepada saya, pada bila-bila masa juga pegawai-pegawai saya tentu akan menyiasat dan mengambil tindakan-tindakan untuk memperbaiki keburukan itu dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah juga memberi sumbangan yang begitu baik dalam perbincangan kita pada petang ini dan saya ingin ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beliau kerana sokongan yang terus terang dan ikhlas itu yang telah diberi kepada Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini.

Beliau juga telah merayu supaya selepas pindaan Akta ibu ini, Akta ini dapat dilaksanakan dengan baik dan dengan lancar dan saya ingin beri jaminan kepada beliau dan juga kepada Dewan yang mulia ini bahawa itulah maksud di sebalik pindaan-pindaan yang kita bahaskan itu dan tentulah Kementerian saya akan menjalankan segala peruntukan dalam Akta itu dengan sebaik-baik yang boleh.

Berkenaan dengan teguran bahawa beliau kesalkan kerana naskhah sahiih Akta ini hanya dalam bahasa Inggeris yang patut diadakan dalam Bahasa Malaysia, ini adalah satu teguran yang saya menerima iaitu dalam bahasa Inggeris (*dengan izin*) "the point is taken" dan kalau saya tidak salah faham maksud beliau ialah supaya peruntukan-peruntukan yang penting itu yang kita bahaskan ini dapat difahami dengan teliti dan dengan baik oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah kita. Jadi sekiranya naskhah sahiih itu dalam bahasa Inggeris sahaja mereka ini tentu menghadapi masalah-masalah daripada segi fahaman.

Kementerian saya akan beri jaminan supaya pihak SOCSO ini akan menjalankan aktiviti supaya penjelasan-penjelasan di mana yang perlu pada masa akan datang dapat disebarkan dengan berbagai-bagai corak yang boleh dapat dijalankan supaya kekhawatiran Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Matang telah mencadangkan supaya SOCSO dapat dijadikan satu Jabatan dan tidak dijadikan satu Badan Berkanun. Tuan Yang di-Pertua, maksud perbincangan kita pada petang ini sebenarnya ialah supaya Pertubuhan ini yang memang pada masa ini adalah satu Jabatan dijadikan satu Badan Berkanun dan bukan sebaliknya. Tujuannya seperti yang saya jelaskan dalam ucapan saya tadi supaya SOCSO ini dijadikan lebih flexible dan juga untuk membolehkan pekerja dan majikan memainkan peranan masing-masing itu dengan lebih banyak dan supaya sekim ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan lebih meluas dan lebih baik untuk kepentingan pekerja-pekerja kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baling juga telah menyentuh berbagai-bagai perkara dalam perbincangan ini dan kepada beliau saya juga menyampaikan berbilang-banyak terima kasih dan oleh

sebab kesuntukan masa, saya tidaklah dapat memberi penjelasan yang lebih teliti, dan yang lebih halus lagi. Atas pandangan-pandangan yang mungkin saya telah tinggalkan dalam penjelasan saya, saya minta maaf. Akan tetapi saya suka memberi jaminan iaitu semua teguran-teguran yang saya belum sempat lagi menjawab itu memang sudah dicatitkan dan akan diberi perhatian yang sewajarnya, akan dikaji dan di mana-mana perlu kita akan mengambil langkah yang sesuai untuk menyaksikan atau melaksanakan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 5 dipinda seperti berikut:

Fasal 5: Gantikan perkataan-perkataan “pencen-pencen” dengan perkataan “pencen” di baris kedua di Seksyen 19 (1).

Clause 5: Substitute the word “pension” for the word “pensions” in line two of Section 19 (1).

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 15—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 15 dipinda seperti berikut:

Fasal 15: Gantikan perkataan “dollars” dengan perkataan “ringgit” di baris ketiga di dalam syarat kepada Seksyen 59N (1), diversi Bahasa Inggeris.

Clause 15: Substitute the word “ringgit” for the word “dollars” in line three of the proviso to Section 59N (1), in the English version.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 15 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 16 dipinda seperti berikut:

Fasal 16: Masukkan koma dua tertutup (close inverted commas) dan noktah (full stop) selepas noktah selepas perkataan “regulations” di baris terakhir di Seksyen 60 (4), diversi Bahasa Inggeris.

Clause 16: Insert close inverted commas and a full-stop after the full-stop following the word “regulations” in the last line of Section 60 (4), in the English version.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 16 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27—

Dato' Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 27 dipinda seperti berikut:

Fasal 27: Gantikan perkataan “account” dengan perkataan “accounts” di baris ketiga di Seksyen 78, diversi Bahasa Inggeris.

Clause 27: Substitute the word "accounts" for the word "account" in the third line of Section 78, in the English version.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 27 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ini akan disambung semula esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga hari esok, 15hb Disember, 1978 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.